

**ADAT BERSUNAT DALAM KALANGAN MASYARAKAT
ORANG ASLI DI KAMPUNG PAYA PELONG, TEMERLOH
PAHANG**

AMIE EZWANNIE A/P AWANG

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025



**ADAT BERSUNAT DALAM KALANGAN MASYARAKAT
ORANG ASLI DI KAMPUNG PAYA PELONG, TEMERLOH
PAHANG**

Oleh:

AMIE EZWANNIE A/P AWANG

Projek penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan
bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

☐

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

☐

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan



AMIE EZWANNIE A/P AWANG

Tarikh: 25/2/2025

Tandatangan Penyelia



Dr. Ainul Wahida binti Radzuan
Senior Lecturer
Department of Heritage Studies
Faculty of Creative Technology and Heritage
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
16300, Kelantan, Malaysia

DR AINUL WAHIDA BINTI
RADZUAN

Tarikh: 25/2/2025

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepitkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Salam sejahtera dan syukur atas segalanya, akhirnya saya dapat menyelesaikan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr Ainul Wahida Binti Radzuan atas tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang proses projek penyelidikan ini.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang memberikan dorongan dan semangat daripada awal sehingga akhir proses penghasilan tesis ini walaupun berdepan dengan segala cabaran dan rintangan. Saya juga ingin berterima kasih kepada semua rakan seperjuangan yang banyak membantu dari segi perkongsian maklumat, ilmu dan memberi tunjuk ajar kepada saya. Di samping itu, tidak lupa juga saya ingin berterima kasih kepada semua informan yang terlibat terutamanya orang yang berkepentingan dalam adat bersunat masyarakat Orang Asli. Semua maklumat yang mereka kongsi sangat berguna dan diperlukan bagi menyelesaikan projek penyelidikan ini.

Akhir sekali, semua ucapan terima kasih dan penghargaan ini diucapkan khas kepada mereka yang terlibat dalam projek saya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Di harapkan perkongsian dalam kajian ini dapat memberi banyak manfaat dan ilmu pengetahuan kepada saya atau kepada semua pembaca dan pengkaji pada masa akan datang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ADAT BERSUNAT DALAM KALANGAN MASYRAKAT ORANG ASLI DI KAMPUNG PAYA PELONG TEMERLOH PAHANG

ABSTRAK

Adat bersunat merupakan salah satu warisan kebudayaan tidak ketara yang menjadi identiti dan warisan masyarakat Orang Asli Jahut di Temerloh, Pahang. Pengamalan adat bersunat melibatkan upacara-upacara tertentu yang sarat dengan kepercayaan animisme sejak nenek moyang mereka yang terdahulu. Namun, penyebaran agama seperti Islam dan Kristian telah menyebabkan adat bersunat yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli Jahut tidak lagi diamalkan kerana terdapat upacara yang bercanggah dengan agama yang dianuti. Kemudahan fasiliti kesihatan seperti klinik dan hospital yang menawarkan khidmat bersunat juga telah menyebabkan adat bersunat di kalangan masyarakat Orang Asli terhakis. Justeru, kajian ini dijalankan untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai perubahan dalam upacara adat bersunat di kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong. Terdapat tiga objektif utama iaitu: mengenal pasti aktiviti ritual yang terdapat dalam adat bersunat, mengkaji kepentingan dalam adat bersunat dan menganalisis langkah-langkah pelestarian dalam adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif yang terdiri daripada pemerhatian dan temu bual manakala bagi reka bentuk kajian iaitu kajian kes. Teknik pensampelan bebola salji telah digunakan bagi menemu bual lapan orang informan mengenai adat bersunat. Terdapat tujuh belas tema yang diekstrak dan dibentuk melalui analisis tematik iaitu adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli, ciri penting dalam adat bersunat, bahan yang digunakan dalam adat bersunat, persiapan ahli keluarga dan masyarakat untuk adat bersunat, aktiviti ritual dalam adat bersunat, orang yang terlibat dalam adat bersunat, peranan orang berkepentingan, pantang larang sebelum dan

selepas dalam adat bersunat, kepercayaan dan semangat animisme dalam adat bersunat, kepentingan dalam adat bersunat, persepsi dalam adat bersunat, cabaran dalam adat bersunat, perubahan dahulu dan sekarang dalam adat bersunat serta pelestarian adat bersunat di kalangan masyarakat. Kajian ini seterusnya menyumbang kepada pendokumentasian adat bersunat masyarakat Orang Asli Jahut dan seterusnya melestarikan amalan dan ritual yang sedia ada untuk generasi akan datang.

Kata kunci: Adat bersunat, adat istiadat, masyarakat Orang Asli, pelestarian warisan, warisan kebudayaan tidak ketara

**CIRCUMCISION CUSTOM AMONG THE ORANG ASLI
COMMUNITY IN KAMPUNG PAYA PELONG, TEMERLOH,
PAHANG**

ABSTRACT

Circumcision is one of the intangible cultural heritage that represent the identity and heritage of the Orang Asli Jahut in Temerloh, Pahang. Customs that represent the identity and heritage of the Orang Asli Jahut in Temerloh, Pahang. The practice of circumcision involves certain ceremonies imbued with animistic beliefs stemming from their ancestors. However, the advent of religions such as Islam and Christianity has led to the decline of the circumcision custom within the Orang Asli Jahut, as some of the ceremonies conflict with the religions they adhere to. Furthermore, health facilities such as clinics and hospitals offering circumcision services have contributed to the erosion of this custom among the Orang Asli community. Therefore, this study was conducted to gain a deeper understanding of the changes in the custom of circumcision among the Orang Asli community in Kampung Paya Pelong. There are three primary objectives: to identify the ritual activities associated with the circumcision custom, to examine its significance, and to analyse the safeguarding methods related to the circumcision custom among the Orang Asli community. This study employs a qualitative approach consisting of observation and interviews with a case study design. A snowball sampling technique was utilised to interview eight informants regarding circumcision customs. Seventeen themes were extracted and constructed through thematic analysis, namely circumcision customs within the Orang Asli community, important features of circumcision practices, materials used in circumcision customs, preparations made by

family members and the community for circumcision events, ritual activities associated with circumcision, individuals involved in the customs, roles of stakeholders, taboos observed before and after circumcision, beliefs and animistic spirits connected to the rites, significance of the circumcision customs, perceptions surrounding these customs, challenges faced in practice, past and present transformations of the circumcision customs, and preservation efforts regarding these customs within the community. This study further contributes to documenting the circumcision practices of the Orang Asli Jahut community, thereby helping to safeguard existing rituals and traditions for future generations.

Keywords: circumcision customs, custom, intangible cultural heritage, Orang Asli communities, safeguarding heritage

ISI KANDUNGAN

JADUAL KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	I
PENGHARGAAN	II
ABSTRAK	III-IV
ABSTRACT	V-VI
JADUAL KANDUNGAN	VII-X
SENARAI RAJAH	XI
SENARAI JADUAL	XI
 BAB 1: PENDAHULUAN	 1
1.0 Pengenalan	1-3
1.1 Permasalahan Kajian	3-4
1.2 Persoalan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Skop Kajian	6
1.5 Lokasi Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.6.1 Kepentingan Kajian Kepada Individu	8
1.6.2 Kepentingan Kajian Kepada Masyarakat	8
1.7 Strukur Penyelidikan	9

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR	10
2.0 Pengenalan	10
2.1 Warisan Budaya Ketara	10-11
2.2 Warisan Budaya Tak Ketara	12
2.3 Masyarakat Orang Asli	13-14
2.4 Kepercayaan	14-15
2.5 Adat Istiadat	15-16
2.6 Pelestarian Adat	17-18
2.7 Aplikasi Teori Perubahan Sosial	18-19
2.8 Kesimpulan	19
 BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	 20
3.0 Pengenalan	20
3.1 Pendekatan Kajian	20
3.1.1 Kaedah Kualitatif	21
3.2 Reka Bentuk Kajian	21
3.3 Kaedah Kajian	21
3.3.1 Pemerhatian	21
3.3.2 Temu Bual	22
3.4 Sumber Data Kajian	23
3.4.1 Data Primer	23
3.4.2 Data Sekunder	23
3.5 Pensampelan Data	23-24
3.6 Analisis Data	25

3.6.1 Analisis Tematik	25-26
3.7 Kesimpulan	28
BAB 4: ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN	29
4.0 Pengenalan	29
4.1 Adat Bersunat Dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli	29-31
4.1.1 Ciri Penting Dalam Adat Bersunat	31-32
4.1.2 Bahan Yang Digunakan Dalam Adat Bersunat	32-33
4.1.3 Persiapan Ahli Keluarga Dan Masyarakat Untuk Adat Bersunat	33-35
4.1.4 Aktiviti Ritual Dalam Adat Bersunat	35-38
4.2 Penglibatan Dan Peranan Pihak Berkepentingan	38
4.2.1 Orang Yang Terlibat Dalam Adat Bersunat	39
4.2.2 Peranan Orang Yang Berkepentingan	40-42
4.3 Pantang Larang Dan Kepercayaan Dalam Adat Bersunat	42
4.3.1 Pantang Larang Sebelum Dan Selepas Dalam Adat Bersunat	42-44
4.3.2 Kepercayaan Dan Semangat Animisme Dalam Adat Bersunat	45-46
4.4 Kepentingan Dalam Adat Bersunat	46-47
4.4.1 Persepsi Dalam Adat Bersunat	47-48
4.5 Cabaran Dalam Adat Bersunat	48-51
4.6 Perubahan Dahulu Dan Sekarang Dalam Adat Bersunat	51-55
4.7 Langkah Pelestarian Adat Bersunat	55
4.7.1 Masyarakat	55-56
4.7.2 Jabatan Kerajaan	57-58

4.7.3 Badan Bukan Kerajaan	58-59
4.8 Kesimpulan	60
BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN	61
5.1 Rumusan kajian	61-62
5.2 Dapatan Utama	63
5.3 Cadangan	64
RUJUKAN	65-68

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Kelompok dan Suku kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia	1
Jadual 3.1	Demografi Informan	24
Jadual 3.3	Transkrip temu bual	26
Jadual 3.4	Proses pengekodan	27
Jadual 3.5	Proses penentuan tema	27
Jadual 4.1	Perbezaan adat bersunat di kesan daripada penyebaran agama	52
Jadual 4.2	Perbezaan upacara ritual dahulu dan sekarang dalam adat bersunat	53
Jadual 4.3	Perubahan tempat bersunat dahulu dan sekarang	54

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Peta Lokasi Kampung Paya Pelong	7
Rajah 3.1	Proses Analisis Tematik	26

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Masyarakat Orang Asli merupakan salah satu kaum asal yang menetap di Semenanjung Malaysia. Jabatan Kemajuan Orang Asli (2022) atau JAKOA menyatakan bahawa definisi Orang Asli merujuk kepada mana - mana bapanya ahli masyarakat Orang Asli, bercakap menggunakan bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup dan mengikut adat resam Orang Asli. Hal ini kerana, keturunan yang lahir daripada pasangan Orang Asli tetap diiktiraf sebagai anak Orang Asli. Menurut Gill dan Rosnon (2018) Orang Asli terbahagi kepada tiga kelompok utama dengan 18 suku kaum.

Terdapat tiga kumpulan suku kaum Orang Asli yang terdiri daripada Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Setiap suku kaum ini pula dibahagikan kepada enam etnik dan mereka bertutur mengikut bahasa kaum masing-masing selain dialek Melayu tempatan seperti dalam jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1: Kelompok dan Suku kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia

KELOMPOK	Negrito	Senoi	Melayu Proto
SUKU KAUM	Kensiu	Temiar	Temuan
	Kintak	Semai	Jakun
	Jahai	Jahut	Semelai
	Mendriq	Che Wong	Orang Kuala
	Bateq	Semoq Beri	Orang Seletar
	Lanoh	Mah meri	Orang Kanaq

Suku kaum Orang Asli Negrito terdiri daripada Kensiu, Kintak, Jahai, Mendriq, Bateq dan Lanoh. Manakala Senoi terdiri daripada Temiar, Semai, Jahut, Che Wong, Semoq Beri dan Mah Meri. Akhir sekali kumpulan Orang Asli Melayu Proto

mempunyai suku Temuan, Jakun, Semelai, Orang Kuala, Orang Seletar dan Orang Kanaq.

Suku kaum Orang Asli Jahut tergolong dalam kumpulan Senoi yang menetap di Semenanjung Malaysia terutamanya di negeri Pahang. Teo kok dan Sa'diah (2016) menyatakan bahawa di Semenanjung Malaysia, kelompok Orang Asli yang terbesar adalah kelompok Senoi dan suku kaum jahut terbahagi kepada dua perkataan iaitu jah bermaksud orang manakala hut bermaksud hutan. Gabungan kedua – dua perkataan tersebut membawa maksud 'orang hutan'. Menurut Mustafa (2013), perkataan Jahut berasal daripada pagar ruyung. Sebelum kedatangan Inggeris, Orang Asli Jahut dipanggil Jah Het dan sebutannya sekarang ialah Jahut.

Umumnya, Orang Asli merupakan masyarakat yang mempunyai keunikan tersendiri dari segi kepercayaan dan tradisi mereka terutamanya kepercayaan animisme. Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) menyatakan bahawa animisme merujuk kepada kebendaan seperti roh atau batu. Animisme juga merujuk kepada kewujudan roh atau semangat pada semua benda sama ada bernyawa atau tidak termasuklah benda – benda yang bergerak atau tidak bergerak. (Cai et al., 2022) mengatakan bahawa masyarakat Orang Asli menggalakkan nilai keharmonian antara mereka sendiri dan interaksi antara alam semula jadi. Hal ini kerana hubungan antara sesama manusia dan alam sekitar telah memberi kesan yang ketara kepada cara hidup dan sumber ekonomi.

Adat dan kepercayaan menjadi simbolik kepada pegangan sesuatu kaum. Hal ini dapat dikaitkan dengan adat bersunat iaitu proses menuju ke alam dewasa bagi seseorang lelaki yang sudah mencapai akil baligh. Dalam kajian Marzali (2012) adat merujuk kepada garis panduan yang telah digunakan sejak dahulu kala untuk mengawal cara masyarakat bertindak. Hal ini boleh dikaitkan dengan masyarakat Orang Asli yang mempunyai adat dan kepercayaan tersendiri. Setiap adat yang diamalkan mempunyai unsur – unsur animisme seperti terjadinya interaksi antara alam, kepercayaan terhadap nenek moyang dan semangat roh. Seiring dengan arus pemodenan, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan perubahan pada adat yang diamalkan oleh mereka. Antara jenis – jenis adat yang terdapat dalam masyarakat Orang Asli Jahut adalah adat kematian, adat perkahwinan dan adat menanam padi. Contohnya adat kematian menunjukkan kepercayaan animisme yang sangat ketara di mana selepas kematian mereka perlu mengadakan kenduri. Kenduri yang diadakan menandakan sebagai

tamatnya tempoh berkabung bagi si mati. Tempoh berkabung bagi lelaki adalah selama enam hari manakala wanita adalah tujuh hari.

Oleh itu, kajian ini memfokuskan mengenai adat bersunat di kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Jahut yang terletak di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang. Adat bersunat bukan sahaja menandakan kedewasaan bagi lelaki tetapi adat bersunat yang diadakan oleh suku kaum Jahut mempunyai unsur - unsur kepercayaan animisme.

1.1 Permasalahan Kajian

Adat resam merupakan salah satu tradisi yang melambangkan identiti sesebuah kaum. Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara (2022) menyatakan bahawa adat resam adalah amalan lama yang diikuti oleh masyarakat pelbagai kaum dan diturunkan dari generasi ke generasi untuk mendapatkan manfaat kesihatan dan kesejahteraan hidup. Masyarakat Orang Asli mempunyai adat resam yang tersendiri seperti adat bersunat. Namun disebabkan kemasukan pelbagai agama dalam kehidupan masyarakat Orang Asli ritual-ritual yang mempunyai unsur animisme tidak lagi dipraktikkan. Selain itu, dakwah agama lain yang disebarkan telah mempengaruhi cara hidup di sekeliling penempatan mereka. Adat dan corak kehidupan Orang Asli seterusnya berubah apabila mereka menganut agama Islam dan Kristian sebagai agama anutan mereka. Mereka kemudiannya telah meninggalkan agama asal iaitu animisme yang diwarisi sejak turun temurun. Contohnya, bagi individu yang telah menganut agama Kristian mereka tidak boleh bersunat atau menyertai upacara ini kerana di anggap bercanggahan dengan agama yang dianuti. Tambahan pula adat ini sarat dengan ritual yang mempunyai kepercayaan animisme seperti alam ghaib atau mahluk yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

Selain itu, arus pemodenan yang semakin berkembang menyebabkan mereka tidak mahu bersunat mengikut adat dan lebih memilih untuk bersunat di klinik atau hospital kerana ianya lebih menjimatkan masa dan cepat. Adam dan Yusop (2020) turut menyatakan bahawa kebudayaan dan warisan masyarakat Orang Asli Jahut semakin kurang mendapat perhatian, dipelajari dan diamalkan oleh generasi mereka sendiri. Hal ini kerana, budaya masyarakat Orang Asli pada masa kini dilihat semakin terhakis akibat globalisasi dan arus pemodenan yang semakin meningkat. Pembangunan negara yang menuju ke arah pemodenan menyebabkan tradisi dan cara hidup komuniti

tempatan terancam. Terdapat banyak aspek yang membawa nilai-nilai baharu dan asing kian menular seterusnya menjadi ancaman kepada kehilangan identiti budaya dan warisan masyarakat Orang Asli.

Seterusnya, golongan muda kurang beminat untuk menuntut ilmu dalam mempelajari adat istiadat masyarakat Orang Asli. Hal ini dikatakan demikian kerana, generasi yang ada terutamanya generasi muda perlu mempunyai ilmu atau kemahiran bagi meneruskan tradisi tersebut seperti ilmu aktiviti ritual supaya ianya tidak pupus dan dapat diteruskan sehingga turun temurun. Dalam kajian Abdullah Sani (2021), masyarakat Orang Asli turut menghadapi cabaran dalam kehidupan yang semakin berkembang. Antara cabaran-cabaran tersebut adalah sumber kewangan yang terhad menjadikan amalan tradisional tidak dapat diamalkan kerana setiap adat dan ritual memerlukan kos yang tinggi dalam penyediaannya.

Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai perubahan dalam upacara adat bersunat di kalangan masyarakat Orang Asli Jahut di Kampung Paya Pelong, Pahang. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui kepentingan adat bersunat dalam kalangan masyarakat tersebut terutamanya dalam pemeliharaan warisan budaya tak ketara. Apabila dunia mengalami arus kemodenan adat tersebut sedikit terhakis oleh pelbagai faktor seperti kemudahan fasiliti seperti klinik dan hospital, penyebaran agama yang meluas dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini juga penting bagi mengetahui pelestarian dalam warisan supaya ianya tidak dipupus terutamanya untuk tatapan generasi akan datang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.2 Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan kajian mengenai upacara adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong iaitu :

1. Apakah aktiviti ritual yang terdapat dalam upacara adat bersunat di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang ?
2. Apakah kepentingan amalan adat bersunat di kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang ?
3. Bagaimanakah langkah – langkah pelestarian adat bersunat boleh dilakukan oleh masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang ?

1.3 Objektif Kajian


Kajian terhadap upacara adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong juga melibatkan tiga objektif utama iaitu:

- 1 . Mengenal pasti aktiviti ritual yang terdapat dalam adat bersunat di kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang.
- 2 .Mengkaji kepentingan amalan adat bersunat di kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang.
- 3 .Menganalisis langkah-langkah pelestarian adat bersunat di kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang.

1.4 SKOP KAJIAN

Kajian ini berfokuskan kepada adat bersunat masyarakat Orang Asli suku kaum Jahut. Kajian ini dijalankan di penempatan Orang Asli suku kaum Jahut yang terletak di Kampung Paya Pelong Kerdau, Temerloh Pahang. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti aktiviti ritual yang terdapat dalam adat bersunat, mengkaji kepentingan amalan adat bersunat dan menganalisis langkah-langkah pelestarian adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong. Secara tidak langsung, kajian ini memfokuskan kepada amalan atau upacara yang terdapat di dalam adat tersebut. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi pengumpulan data dan kajian kes sebagai reka bentuk pendekatan kajian. Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Kaedah pemerhatian dilakukan semasa acara ritual adat bersunat sepanjang majlis tersebut berlangsung. kaedah temu bual pula melibatkan tok mudim, tukang silat, tukang masak dan masyarakat yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di majlis tersebut. Seterusnya, pensampelan data dalam kajian ini menggunakan pensampelan bola salji di mana informan yang ditemu bual mencadangkan informan lain bagi data yang ingin dicapai mencukupi. Di samping itu, analisis data yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis tematik, bagi menganalisis data. Penggunaan teori perubahan sosial dalam kajian ini sesuai digunakan kerana perubahan tersebut dapat dilihat melalui masyarakat yang mengamalkannya iaitu masyarakat Orang Asli suku kaum Jahut. Dalam teori perubahan sosial terdapat pengaplikasian teori evolusi sosial di mana perubahan berlaku dari segi budaya masyarakat tersebut yang meliputi keseluruhan cara hidup suatu masyarakat. Perubahan yang dapat dilihat adalah seperti kemasukan pelbagai agama, kemodenan yang berlaku dari semasa ke semasa, masalah kewangan dan golongan muda yang tidak mahu meneruskan tradisi tersebut menyebabkan perubahan tersebut berlaku.

1.5 Lokasi Kajian



Rajah 1.2 : Peta Lokasi Kampung Paya Pelong

Sumber : Google Maps

Kajian ini dijalankan di Temerloh, Pahang. Pahang merupakan negeri yang terbesar di Malaysia. Temerloh merupakan sebuah bandar yang membangun dan tersusun. Selain itu, Temerloh juga terkenal dengan Bandar Ikan Patin kerana ikan ini telah menjadi tarikan orang ramai apabila berkunjung ke bandar tersebut. Bandar ini juga berhampiran dengan sungai yang dikenali sebagai Sungai Pahang. Jesteru itu, Kampung Paya Pelong (rajah 1.2) yang terletak di mukim Kerdau merupakan sebuah penempatan Orang Asli suku kaum Jahut yang mempunyai anggaran sebanyak 400 orang dan terletak di pekan Kerdau. Kampung Paya Pelong telah mengamalkan adat bersunat dan membuat majlis besar-besaran selama tiga hari dua malam apabila upacara tersebut dilakukan. Adat bersunat yang diadakan sangat meriah sehingga orang luar kawasan datang untuk melihat sendiri ritual dan aktiviti sepanjang adat tersebut berlangsung.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan kerana adat dalam masyarakat Orang Asli merupakan warisan yang perlu diteruskan tanpa adanya perubahan. Pengekalan dalam sesuatu adat perlulah dititikberatkan agar terus menjadi warisan yang tidak akan pupus di telan zaman. Oleh yang demikian, kemajuan teknologi telah mempengaruhi perubahan yang terdapat pada sesuatu adat. Perubahan tersebut berlaku kerana terdapat beberapa faktor seperti kemasukan agama yang seiring dengan perkembangan dunia. Tambahan pula, golongan muda masyarakat tersebut tidak berminat untuk meneruskan warisan yang mereka miliki. Oleh itu kajian ini juga amat penting kepada individu, masyarakat dan negara.

1.6.1 Individu

Kajian ini amat penting bagi seseorang individu untuk menjaga kebersihan diri terutamanya pada kaum lelaki. Hal ini dikatakan demikian kerana kaum lelaki perlu menjaga kesihatan diri terutamanya pada bahagian yang tertentu bagi mengelakkan ancaman penyakit. Selain itu, kajian ini turut dijalankan bagi menyebarkan maklumat berkaitan kepentingan bersunat bukan sahaja untuk kaum lelaki malah kepada masyarakat.

1.6.2 Masyarakat

Kajian mengenai perubahan dalam upacara yang terdapat dalam adat bersunat di Kampung Paya Pelong adalah penting dalam memelihara adat resam masyarakat Orang Asli Jahut. Masyarakat Orang Asli perlu memelihara identiti mereka sebagai kaum yang mempunyai pelbagai budaya serta warisan. Di samping itu, masyarakat lain dapat mengetahui keunikan budaya yang terdapat dalam masyarakat Orang Asli. Tambahan pula, kajian ini dapat memastikan warisan yang mereka miliki tidak pupus dan hilang walaupun banyak cabaran yang dihadapi seperti perkembangan arus modenisasi.

1.7 Struktur Penyelidikan

Secara keseluruhannya, projek penyelidikan ini mengandungi lima bab iaitu yang bab yang pertama ialah pengenalan kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, lokasi kajian dan kepentingan kajian. Bab dua pula mengenai kajian literatur yang di perolehi dari artikel dan bahan ilmiah iaitu warisan budaya, warisan budaya tidak ketara, masyarakat Orang Asli, kepercayaan, adat istiadat dan pelestarian adat. Jesteru itu, terdapat aplikasi teori yang digunakan dalam bab ini iaitu teori perubahan sosial. Seterusnya, bagi bab tiga terdapat metodologi kajian yang terdiri daripada pendekatan kualitatif, reka bentuk kajian seperti kajian kes. Kaedah kajian pula menggunakan data pemerhatian dan temu bual. Bagi sumber data kajian ialah data primer dan data sekunder manakala bagi pensampelan data menggunakan teknik pensampelan bola salji atau *snow sampling*. Bagi analisis data pula kajian ini menggunakan analisis tematik yang terdiri daripada transkripsi, pengekodan, penentuan tema, laporan dan trigulasi.

Dalam bab empat kajian ini membincangkan mengenai dapatan kajian yang mencapai ketiga-tiga objektif. Antara dapatan kajian yang menjawab kepada objektif pertama ialah aktiviti ritual yang terdapat dalam adat bersunat. Bagi objektif kedua pula ialah kepentingan adat bersunat dalam masyarakat Orang Asli yang menggunakan kaedah temu bual. Seterusnya, dapatan kajian yang menjawab kepada objektif yang ketiga ialah langkah pelestarian dalam adat bersunat. Terdapat dapatan baharu selain data bagi ketiga-tiga objektif tersebut iaitu ciri-ciri penting, bahan yang digunakan, persiapan ahli keluarga, orang yang terlibat dalam adat bersunat, peranan orang berkepentingan, pantang larang sebelum dan selepas, kepercayaan dan semangat animisme, persepsi dalam adat bersunat, cabaran dalam adat bersunat, perubahan dahulu dan sekarang dalam adat bersunat. Di samping itu, bab lima pula membincangkan mengenai rumusan setiap bab, dapatan utama dan cadangan bagi kajian ini.

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab dua membincangkan keseluruhan kajian lepas yang dijalankan terutama amalan adat bersunat di kalangan masyarakat Orang Asli. Bab ini juga menerangkan mengenai warisan budaya yang mempunyai dua kategori iaitu warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Selain itu, bab ini juga turut menerangkan berkaitan masyarakat Orang Asli. Seterusnya, adat bersunat yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli mempunyai ritual-ritual yang tertentu di mana terdapatnya kepercayaan animisme semasa upacara tersebut dijalankan. Akhir sekali, bab ini membincangkan langkah-langkah pelestarian warisan tidak ketara yang telah dijalankan pengkaji terdahulu.

2.1 Warisan Budaya

Warisan ialah salah satu legasi masa kini dan masa hadapan yang merujuk kepada warisan budaya dan warisan semula jadi di mana ianya dapat dilihat dan mempunyai nilai yang tidak dapat diganti serta memberikan inspirasi dalam kehidupan. Warisan budaya meliputi hasil seni bina, tapak arkeologi, struktur hasil buatan manusia dan alam yang meliputi nilai universal serta menyumbang kepada sejarah, keseniaaan, sains, etnologi atau antropologi seperti yang dinyatakan dalam *Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage* atau Persidangan Warisan Dunia UNESCO (1972).

Warisan merupakan aset negara yang dimiliki oleh seseorang atau kelompok masyarakat dan menjadi kepentingan bersama untuk melindungi dan mengekalkannya. Warisan juga berbentuk kepakaran dan ilmu pengetahuan yang diwariskan melalui kepercayaan dan cara hidup yang digambarkan melalui objek budaya. Warisan juga berkait dengan memori kolektif sesebuah masyarakat yang melambangkan budaya masyarakat tersebut (Ugong & Bala, 2017).

Warisan adalah tinggalan yang diwarisi sejak dahulu lagi. Warisan terdiri daripada budaya, sejarah, adat, kepercayaan dan warisan yang terpelihara. Gill dan

Rosnon (2018). Selain itu, warisan juga terbahagi kepada warisan yang lebih meluas seperti warisan sejarah, warisan semula jadi dan warisan budaya. Warisan juga mempunyai makna yang setara dengan perkataan pusaka.

Warisan bukan sekadar memori masa silam, Deraman (2012) warisan terbentuk melalui pelbagai cara bergantung kepada konteks dan perspektif. Isitilah warisan mempunyai hubungan dan kaitan yang jelas dengan konsep pewarisan sesuatu yang mempunyai nilai khazanah secara turun temurun. Usaha mengenal pasti, memilih, menilai mengklafikasi dan mendokumentasi warisan perlu dilakukan agar warisan dijaga dengan baik. Jesteru itu, pemuliharaan warisan merupakan langkah penting dalam menjaga sumber khazanah negara dan bumi bagi keperluan generasi masa kini Akta Warisan Kebangsaan Malaysia (2005) menyatakan bahawa warisan kebudayaan terdiri daripada :

...Bentuk ketara atau tidak ketara harta, struktur atau artifak kebudayaan dan boleh termasuk perkara, objek, butiran, artifak, struktur pembentukan, ,tarian, nyanyian, muzik warisan yang penting kepada cara hidup rakyat Malaysia dari segi sejarah atau semasa, di atas atau di dalam tanah atau warisan kebudayaan di bawah air bagi bentuk ketara tetapi tidak termasuk warisan semula jadi...

Menurut pernyataan di atas, konsep warisan terbahagi kepada dua kategori iaitu warisan budaya ketara dan tidak ketara. Warisan budaya meliputi semua jenis struktur binaan bangunan, artifak kebudayaan, objek budaya, tarian dan nyanyian serta corak kehidupan rakyat Malaysia dahulu dan kini. Warisan budaya dimiliki oleh sesebuah bangsa atau kaum menjadi identiti serta simbolik bagi masyarakat tersebut. Yusoff et al., (2010) menyatakan warisan budaya yang dimiliki oleh setiap bangsa mempunyai pelbagai bentuk, falsafah, lambang serta budaya. Hal ini kerana warisan yang dimiliki perlu dipelihara atau dipelihara bagi memastikan kelangsungan warisan terus terjamin. Untuk memastikan kelestarian sesebuah budaya, masyarakat perlu mempunyai rasa bertanggungjawab dan menghargai warisan terutamanya untuk tatapan generasi akan datang.

2.2 Warisan Budaya Tidak Ketara

Warisan budaya tidak ketara sering dikaitkan dengan ilmu atau pengalaman yang diwarisi oleh generasi terdahulu. Dengan adanya ilmu warisan, sesuatu perkara yang melibatkan warisan tidak ketara dapat diteruskan oleh generasi seterusnya. Aktiviti budaya dan pemikiran yang terdapat dalam masyarakat terdahulu menjadikan lebih banyak warisan tidak ketara wujud seperti tradisi lisan, seni persembahan, muzik, lakonan, nyanyian, makanan tradisi dan lain-lain. Jesteru itu, ketamadunan manusia terdahulu telah menyebabkan warisan tidak ketara yang diperolehi menjadi simbol dan identiti bagi setiap kaum dan bangsa di Malaysia (Saleh et al., 2022)

Warisan budaya tidak ketara terdiri daripada tradisi lisan, bahasa, acara perayaan, muzik tradisional, seni persembahan, perubatan tradisional, sastera, tradisi makanan, sukan dan permainan tradisional. Yusof et al., (2018) telah menyatakan kaum dan bangsa di Malaysia menyambut perayaan tertentu mengikut kepercayaan dan pegangan agama yang dianuti. Setiap perayaan yang disambut mengikut waktu atau peristiwa yang telah ditetapkan. Antaranya masyarakat Melayu menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Haji sebagai tanda mereka bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa. Selain itu, masyarakat Cina menyambut Tahun Baru Cina, perayaan kuih bulan dan pesta tanglung. Seterusnya, masyarakat India mengamalkan perayaan Hari Deepavali dan Thaipusam mengikut kepercayaan agama yang mereka anuti. Hal ini membuktikan bahawa warisan budaya tidak ketara menjadi budaya yang penting bagi kaum yang memiliki.

Bagi memastikan kelangsungan warisan budaya tidak ketara, masyarakat perlu mencintai dan menghargai warisan mereka. Menurut pernyataan Eyo et al., (2021), warisan tak ketara semakin terancam akibat arus modenisasi dan peredaran zaman sehingga menyebabkan terdapat sebahagian warisan terhakis. Jesteru itu, pelbagai usaha untuk memelihara dan memulihara budaya yang terdapat di Malaysia perlu dijalankan sebaiknya bagi memastikan warisan budaya tidak ketara akan terus kekal sehingga kini. Warisan yang dimiliki oleh sesuatu kaum juga sangat penting untuk dijaga supaya keunikan dan identitinya tidak pupus terutamanya dalam arus pembangunan yang moden ini.

2.3 Masyarakat Orang Asli

Orang Asli mempunyai hubungan yang kuat dengan alam semesta dari segi cara hidup, bahasa, adat dan kepercayaan. Dengan kepercayaan yang mereka miliki, budaya yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu melambangkan identiti mereka sebagai masyarakat yang tinggal di kawasan pendalaman dan masih mempratikkan cara hidup tradisional. Razali et al.,(2020) menyatakan bahawa kehidupan yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka masih dipratikkan sehingga hari ini. Hal ini membuktikan warisan budaya Orang Asli adalah unik dan menarik. Jesteru itu, budaya yang ditinggalkan telah menjadi kesinambungan kepada generasi masa kini untuk meneruskan warisan tersebut.

Umum mengetahui bahawa masyarakat Orang Asli tinggal di kawasan pendalaman dan mudah mendapat keperluan asas seperti makanan dan sumber pendapatan. Dengan adanya bekalan dari hutan, mereka boleh menghasilkan pelbagai kraftangan dan mendapat herba yang boleh dijadikan sebagai ubat – ubatan. Hassan dan Ramli (2020) menyimpulkan mereka juga kaya dengan pelbagai kebudayaan, adat resam dan kraf tangan yang menggambarkan sebagai sebahagian identiti mereka. Antara kraf tangan yang terkenal dalam kalangan masyarakat tersebut adalah sumpit, anyaman tikar bakul dan anyaman.

Masyarakat Orang Asli mempunyai kepakaran dalam pengurusan alam semula jadi. Mereka mempunyai ilmu dan pengalaman dalam mengendalikan perkara yang berkaitan dengan hutan seperti herba-herba, kraftangan, sumber hutan dan kepercayaan yang berkaitan dengan alam. Baharuddin et al., (2023) Pembangunan mampan Orang Asli menjelaskan dengan adanya pengetahuan yang berkaitan dengan alam mereka dapat mengetahui struktur tanah yang sesuai untuk aktiviti pertanian serta hasil hutan yang pelbagai tanpa menjejaskan sebarang sumber yang ada dalam hutan.

Masyarakat Orang Asli masih dipercayai berada dalam lingkungan kemiskinan di mana mereka masih berada di kawasan pendalaman yang terpencil serta terpinggir. (Junaidi et al., 2020) menyatakan hal ini juga dapat dikaitkan dengan taraf kesihatan yang masih rendah dan tidak mendapat pendidikan yang secukupnya. Kebergantungan mereka terhadap hasil hutan masih digunakan sehingga kini. Jesteru itu, mereka juga sangat dikenali dengan mempunyai pelbagai adat, warisan serta budaya yang pelbagai. Mereka juga mempunyai tradisi dalam pengamalan adat perkahwinan, kematian,

bersunat dan lain-lain. Cara mereka mempraktikkan adat tersebut adalah berasaskan kepercayaan yang diamalkan dan berpegang teguh kepada amalan tersebut.

Masyarakat Orang Asli di Australia dikatakan sebagai Orang Asli yang telah lama hidup dan mempunyai budaya yang tertua di dunia. Behrendt (2012, hlm. 1-8) menegaskan budaya mereka mempunyai nilai tradisional yang sangat kuat di mana terdapat separuh daripada komunitinya yang tinggal di kawasan berhampiran laut mempunyai budaya yang berbeza dengan masyarakat Orang Asli yang berada di kawasan tengah Australia. Contohnya, mereka mempunyai lagu, tarian dan seni yang tersendiri yang diamalkan bertujuan untuk upacara tertentu. Ini membuktikan bahawa walaupun masyarakat Orang Asli di luar negara sering ditindas dan masih ketinggalan tetapi pengamalan budaya mereka masih kuat.

2.4 Kepercayaan

Konsep kepercayaan adalah keyakinan atau pandangan yang dipercayai oleh sesebuah masyarakat atau individu yang terkait dengan hal-hal spiritual, agama, atau kepercayaan. Abdullah Sani, (2016) menerangkan kepercayaan ialah salah satu pandangan terhadap tuhan atau kekuatan gaib, nilai-nilai moral, prinsip-prinsip etika, serta pandangan tentang kehidupan dan kematian. Selain itu, kepercayaan juga dapat mempengaruhi tindakan, sikap, dan pandangan hidup seseorang. Setiap budaya dan agama mempunyai konsep kepercayaan yang berbeza-beza di mana ianya membentuk landasan spiritual dan moral bagi para penganutnya.

Masyarakat Orang Asli mempunyai pendirian yang kukuh kepada kepercayaan animisme dan adat resam yang telah diwariskan oleh generasi terdahulu kepada mereka. Hal ini menyebabkan masyarakat tersebut sukar untuk menerima sesuatu yang berbeza seperti anutan agama lain atau bertentangan dengan kepercayaan yang mereka amalkan. Kepercayaan animisme adalah kepercayaan yang diamalkan secara turun temurun dan sukar untuk dihapuskan terutamanya di kalangan generasi yang lebih tua mahupun sehingga kini. Oleh yang demikian, masyarakat Orang Asli masih mempercayai kuasa ghaib, roh - roh dan semangat di persekitaran mereka (Mohd Zain & Engku Alwi, 2017).

Adam (2021) menyatakan bahawa komuniti Orang Asli mempunyai ilmu pengetahuan secara turun temurun dan diwarisi kepada generasi masa kini.

Kepercayaan animisme adalah agama yang dipegang oleh majoriti masyarakat Orang Asli. Antara kepercayaan mereka terhadap alam sekitar terdiri daripada gunung, bukit, lembah, sungai, batu-batu besar, dan gua mempunyai kaitan terhadap kehidupan harian mereka. Mereka percaya bahawa jika mereka mengabaikan larangan yang telah ditetapkan dalam masyarakat kediaman mereka akan terkena bencana semula jadi. Mereka juga percaya terhadap kekuasaan terbesar yang dimiliki oleh pawang-pawang atau bomoh yang boleh berinteraksi bagi menyembuhkan sesuatu penyakit.

Kepercayaan dan pegangan agama adalah salah satu perkara yang diperlukan dalam kehidupan. Wook et al.. (2020) menyatakan bahawa di Semenanjung Malaysia, masyarakat Orang Asli telah mewarisi sistem kepercayaan tertentu yang diamalkan dalam kehidupan seharian mereka. Kepercayaan membawa maksud sebagai keyakinan atau akuan bahawa sesuatu akan berlaku dan wujud. Selain itu, kepercayaan juga boleh ditakrifkan sebagai kuasa yang menguasai pemikiran seseorang dari segi adat, mitos, kepercayaan dan budaya. Mereka juga berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa keberkatan dalam kehidupan manusia dan alam semesta berkait antara satu sama lain. Dengan kepercayaan yang diamalkan, tingkah laku mereka dalam kehidupan seharian banyak dipengaruhi oleh alam sekitar. Oleh itu, terdapat hukum yang perlu dipatuhi diikuti agar tidak apabila mereka melanggar pantang larang yang telah ditetapkan.

2.5 Adat Istiadat

Malaysia terkenal dengan kepelbagaian kaum, warisan budaya, sejarah dan pelbagai adat istiadat. Adat istiadat yang dimiliki oleh sesebuah kaum dapat membentuk sebuah negara yang mempunyai identiti dan keperibadian masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana kepelbagaian etnik di Malaysia seperti Cina, India dan etnik peribumi mempunyai adat dan tradisi yang mencerminkan warisan budaya mereka. Contohnya, masyarakat Melayu kaya dengan adat berkhatan atau bersunat, adat perkahwinan dan adat mengikut negeri yang terdapat di Malaysia. Menurut Saludin (2015), adat yang terdapat di Malaysia juga memainkan peranan yang sangat penting pada masyarakat tersebut kerana adat menjadi asas kepada kehidupan masyarakat selain membawa nilai-nilai yang positif seperti nilai keharmonian, kesopanan dan amalan hormat-menghormati sesama sendiri dengan masyarakat yang lain.

Dalam konteks masyarakat peribumi adat mempunyai maksud yang tersendiri di mana adat terbahagi kepada hukum yang dikenakan oleh alam dan amalan budaya atau cara hidup. Adat juga merujuk kepada hukum alam iaitu aturan alam bagi setiap mahluk yang hidup di bumi ini. Menurut pandangan Edo (2014) adat istiadat menjadi pegangan manusia terutamanya bagi masyarakat Orang Asli di mana mereka masih mempunyai kepercayaan adat yang sangat kuat terhadap alam di sekeliling mereka. Amalan budaya pula mempunyai nilai keagamaan dan sistem sosial yang mereka miliki. Amalan sistem sosial merujuk kepada panduan untuk menentukan sebarang keputusan yang diketuai oleh Tok Batin.

Masyarakat Melayu mempunyai cara tersendiri untuk menilai seorang lelaki memasuki alam dewasa iaitu dengan cara adat berkhatan. Apabila seorang lelaki sudah mencapai umur yang sepatutnya untuk berkhatan, mereka dianggap telah memasuki alam dewasa atau remaja. Jesteru itu, pengamalan adat berkhatan juga dilakukan bagi membezakan masyarakat yang bukan beragama Islam dan yang menganut agama Islam. Hal ini kerana lelaki yang menganut agama Islam berkhatan bagi tujuan kebersihan diri (Wan Mahmood, 1977).

Pada mulanya, masyarakat Orang Asli Jahut mengamalkan adat berkhatan kerana dipercayai mempunyai sejarah bahawa mereka mempunyai darah Raja Pagar Ruyung dari Sumatera, Indonesia. Putera bongsu Raja Pagar Ruyung telah dihina oleh saudaranya sendiri kerana ilmunya yang kebal sehingga tidak dapat dikhatankan. Masyarakat tersebut telah mengamalkan adat yang diwarisi secara turun temurun mengikut kepercayaan dari segi ritual dan pantang larang. Semasa majlis adat bersunat diadakan segala peraturan dan pantang larang perlu dituruti supaya tidak berlakunya pelanggaran adat yang mendatangkan bencana serta musibah terutamanya semasa majlis tersebut dijalankan. Kepercayaan mereka terhadap semangat animisme telah menjadi satu pegangan yang kuat kerana sepanjang majlis berlangsung mereka sangat berhati-hati dengan gangguan mahluk halus dan ancaman daripada manusia. Oleh itu, terdapat pengamalan adat bersunat dalam kalangan masyarakat tersebut. (Hayin, 2024)

Kumpulan Orang Asli yang mengamalkan adat bersunat terdiri daripada suku kaum Senoi, Jakun, Semelai dan Temuan. Ismail dan Sa'ari (2005) menyatakan bahawa masyarakat Orang Asli dipercayai berasal daripada Kawasan Palembang yang terletak

di wilayah Sumatera di mana terletak di bahagian Selatan Tanah Melayu. Oleh itu, mereka juga mengamalkan corak kehidupan yang sama seperti Orang Melayu iaitu adat bersunat atau adat berkhatan. Di Semenanjung Tanah Melayu, Orang Melayu mengamalkan adat bersunat bagi menandakan seorang lelaki telah memasuki alam dewasa. Hal ini dapat dikaitkan dengan masyarakat Orang Asli turut mengadakan upacara tersebut walaupun mengikut ritual dan kepercayaan masing-masing.

2.6 Pelestarian Adat

Pelestarian adat merupakan langkah penting bagi pengekalan sesuatu warisan yang terdiri daripada amalan, budaya, kepercayaan dan ritual yang diwarisi sejak turun temurun. Termizi (2023) menyatakan dengan adanya pelestarian yang dilakukan oleh komuniti, masyarakat dan individu sesuatu adat dan warisan tidak akan pupus walaupun dunia mengalami pelbagai cabaran seperti pemodenan. Oleh itu, pelestarian adat dapat menjaga keharmonian dalam kehidupan manusia kerana adat menjadi rujukan utama bagi pengekalan kepada sesuatu budaya.

Setiap kaum yang terdapat di Malaysia perlu mempunyai usaha untuk memelihara dan memulihara adat yang dimiliki sejak zaman dahulu sehingga sekarang. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan yang penting bagi mengatasi masalah kepupusan adat dan budaya. (Yulia et al., 2019) antara langkah-langkah pelestarian adat adalah melalui cara pendokumentasian, kempen pendidikan dan kesedaran, penglibatan komuniti setempat, serta pelbagai langkah lain yang boleh terus mengekalkan adat yang dimiliki oleh setiap kaum dan bangsa. Pelestarian adat yang dijalankan menjadi peranan utama dalam memastikan warisan budaya sentiasa berada dalam keadaan memuaskan dan tidak mengalami kepupusan adat.

Pelestarian adat dalam kalangan kaum dan masyarakat di Malaysia sememangnya banyak memberikan impak positif kepada negara atau kepada masyarakat itu sendiri. Mahali (2021) pelestarian tersebut lebih dikenali dengan maksud untuk mengekalkan sesuatu yang memastikan kewujudan budaya dan atau memanjangkan tempoh warisan yang dimiliki. Justeru itu, pelestarian juga boleh didefinisikan sebagai melindungi atau menyelamatkan adat dan budaya yang hampir mengalami kepupusan. Secara tidak langsung, dengan adanya pelestarian adat generasi akan datang dapat melihat sendiri warisan yang mereka miliki dan mendatangkan rasa bangga kerana Malaysia kaya dengan pelbagai warisan.

Pelestarian adalah usaha untuk mengekalkan adat yang mempunyai nilai sejarah dan telah wujud dalam kehidupan manusia supaya tidak hilang mengikut peredaran waktu. Menurut Novendri Putra et al., (2024) kelangsungan terhadap sesuatu adat dapat memberikan banyak manfaat sama ada kepada kaum itu sendiri, masyarakat dan negara. Warisan perlulah diturunkan dari satu generasi ke generasi yang seterusnya agar dapat dikekalkan sehingga masa akan datang.

2.7 Aplikasi Teori Perubahan Sosial

Teori perubahan sosial adalah salah satu perubahan dalam sistem lembaga sosial yang dialami oleh masyarakat iaitu sistem sosial termasuk nilai, sikap sosial dan pola perilaku di antara kelompok masyarakat. Teori ini telah diasaskan oleh Robert H Laurer di mana perubahan sosial merupakan perubahan dalam fenomena sosial pada berbagai tingkat kehidupan manusia mulai dari individu ke tingkat dunia. Antara ciri – ciri yang terdapat dalam perubahan sosial ialah perubahan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat merupakan satu keperluan bagi meningkatkan kualiti dan kemajuan dalam masyarakat itu sendiri. Perubahan ini juga boleh berlaku secara dirancang atau tidak dirancang.

Dalam teori perubahan sosial terdapat teori yang sesuai dengan sesuatu kelompok yang mengalami perubahan iaitu teori evolusi sosial yang diasaskan oleh Herbert Spencer dimana teori ini menjelaskan bagaimana sesuatu adat dan tradisi mengalami perubahan seiring dengan evolusi sosial yang berkembang pada masa kini. Hal ini kerana masyarakat yang mengalami tranformasi dari masyarakat tradisional ke masyarakat yang lebih moden akan mengalami perubahan dalam adat dan nilai yang terdapat dalam masyarakat tersebut.

Perubahan merupakan proses terus menerus yang terjadi dalam setiap masyarakat dari semasa ke semasa. Hal ini dapat dikaitkan dengan perubahan yang berlaku dalam adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang. Perubahan yang berlaku telah menyebabkan adat dan warisan yang sedia ada sedikit terhakis. Jesteru itu, tranformasi tersebut dapat dilihat dari segi kemasukan agama yang pelbagai seperti Kristian dan Islam menyebabkan masyarakat Orang Asli kurang mengamalkan adat yang wujud sejak dulu lagi. Oleh itu, ianya menyebabkan konflik kepada individu sama ada mengikut ajaran agama atau

mempertahankan adat yang sedia ada. Secara tidak langsung, ianya menyebabkan proses perubahan adat terjadi kerana adanya konflik dan nilai-nilai agama yang dianuti.

Selain itu, perubahan adat juga berlaku kerana adanya kemudahan fasiliti yang lengkap dalam kalangan masyarakat Orang Asli di kawasan tersebut. Hal ini kerana, adat bersunat kurang diamalkan kerana sesetengah individu menghantar anaknya ke klinik kerana lebih menjimatkan masa dan wang. Kaedah bersunat secara tradisional semakin hilang kerana kemajuan fasiliti menghakis sedikit sebanyak adat tersebut.

Seterusnya, golongan muda yang kurang berminat untuk menuntut adat tersebut menjadi salah satu faktor adat bersunat mengalami perubahan. Golongan muda yang tidak tertarik dengan adat tradisional dapat dikaitkan dengan proses evolusi sosial di mana generasi muda mengamalkan cara hidup yang moden mengikut zaman pada masa kini. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat golongan muda yang tidak mahu belajar dalam ilmu ritual yang terdapat dalam upacara adat bersunat tersebut. Mereka lebih cenderung terhadap perkembangan teknologi pada masa kini.

2.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini merupakan kajian lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik dahulu. Dengan adanya kajian yang dilakukan oleh penyelidik terdahulu banyak maklumat dan data bagi mengukuhkan penulisan. Selain itu, bab ini juga banyak memberi maklumat berkaitan warisan, warisan tidak ketara, Orang Asli, kepercayaan serta adat yang mereka miliki. Disamping itu, teori pemodenan telah digunakan di mana teori ini menerangkan tentang tranformasi masyarakat tradisi kepada moden yang menonjolkan perubahan yang berlaku dalam masyarakat tersebut.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab tiga menjelaskan metodologi kajian bagi kajian adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang. Bab ini membincangkan tentang pendekatan kajian, reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, persampelan data dan analisis data. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu pendekatan untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Manakala bagi reka bentuk kajian menggunakan kajian kes iaitu untuk mengkaji fenomena yang berlaku dalam adat bersunat. Kaedah kajian yang digunakan ialah temu bual dan pemerhatian. Selain itu, sumber data kajian adalah daripada data primer dan data sekunder. Selain itu, bab ini juga menekankan persampelan data iaitu data dikumpulkan menggunakan teknik persampelan bola salji. Seterusnya, pada akhir bab ini semua data yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis tematik bagi mengkategorikan semua data dan mencapai objektif kajian.

3.1 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian bagi kajian adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang menggunakan pendekatan kualitatif. Menurut Tisdell et al., (2025), pendekatan kualitatif merupakan sebuah pendekatan yang berbentuk deskriptif dimana data yang diperolehi dijelaskan dalam bentuk perkataan, ayat, keterangan dan juga huraian. Selain itu, pendekatan kualitatif memfokuskan kajian antara pemboleh ubah bagi menjawab segala objektif kajian dan persoalan kajian (Creswell, 2013). Justeru itu, dalam pendekatan kualitatif terdapat kaedah seperti kajian kes yang menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Oleh itu, pendekatan kualitatif merupakan kaedah yang sesuai bagi mendapatkan maklumat dan data yang tepat bagi kajian adat bersunat di Masyarakat Orang Asli Kampung Paya Pelong , Temerloh Pahang.

3.1.1 Kaedah kualitatif

Kaedah kualitatif merujuk kepada pendekatan yang digunakan dalam kajian kualitatif. Menurut Wellington & Szczerbinski (2007) menyatakan bahawa kaedah kualitatif mempunyai data berbentuk saintifik dimana kaedah ini memfokuskan kepada pemahaman yang mendalam tentang fenomena yang dikaji melalui pemerhatian, temu bual dan analisis teks. Kaedah kualitatif sering digunakan dalam sains sosial, psikologi, antropologi, dan bidang lain yang memahami konteks dan makna subjektif adalah penting.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian bagi adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang menggunakan kajian kes. Menurut Hussin et al., (2014) reka bentuk merupakan salah satu kaedah yang mengeluarkan data di mana ianya mempunyai perancangan yang sistematik dalam membentuk rangkaian dengan pembolehubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Kajian kes boleh didefinisikan sebagai suatu fenomena yang terjadi dalam konteks tertentu iaitu dalam lingkungan individu, kumpulan atau aspek yang tertentu. Selain itu, kajian kes juga merupakan satu inkuiri empirikal yang mengkaji fenomena semasa iaitu sedang berlaku dalam persekitaran konteks kehidupan sebenar.

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan bagi adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang bagi mencapai objektif kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual dan pemerhatian. Oleh itu, data dan maklumat dapat diperolehi dengan cukup bagi kajian ini.

3.3.1 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian digunakan dalam kajian ini bagi memerhati proses adat bersunat yang dijalankan di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang. Menurut Jasmi (2012) pemerhatian dilakukan untuk melihat atau merakam tingkah laku informan. Hal ini kerana pengumpulan data boleh dilakukan dengan pemerhatian sendiri melalui apa yang dilihat dan disaksikan berbanding dengan komunikasi secara langsung dengan informan bagi mendapatkan maklumat serta data yang mencukupi. Kaedah pemerhatian

bagi kajian ini adalah pemerhatian secara ikut serta iaitu memerhati kumpulan informan, aktiviti serta ritual yang dijalankan seperti adat bersunat sepanjang tempoh pelaksanaan adat tersebut berlaku. Adat tersebut berlangsung selama tiga hari dua malam. Sepanjang adat bersunat tersebut berlangsung, terdapat banyak aktiviti dan acara yang berlaku. Oleh itu, kaedah pemerhatian ikut serta boleh digunakan bagi mendapatkan data dan maklumat yang mencukupi.

3.3.2 Temu bual

Temu bual adalah komunikasi antara dua hala yang dilakukan bagi mengumpul lebih banyak data dan maklumat bagi sesuatu kajian. Selain itu, kaedah temu bual juga bertujuan untuk memperolehi maklumat dari informan secara lisan. Menurut Mathers (1998) temu bual dalam kajian kualitatif bertujuan untuk memahami perspektif informan daripada kehidupan mereka dan pengalaman yang dialami oleh mereka sendiri. Kaedah temu bual bagi kajian ini bersifat temu bual secara mendalam dan bersifat semi struktur di mana informan di temu bual secara santai dan tidak terlalu memaksa untuk menjawab semua soalan. Kaedah temu bual melibatkan informan seperti tok mudim, tukang silat, tukang masak dan masyarakat yang terlibat dalam persiapan adat bersunat tersebut. Informan yang dipilih juga merupakan individu penting dalam kajian ini di mana mereka terlibat dalam persiapan adat serta ritual-ritual dalam adat tersebut. Oleh itu, objektif kajian yang sesuai bagi kaedah temu bual ialah semua objektif dalam kajian ini.

Dalam kaedah temu bual terdapat alat bantuan kajian yang digunakan seperti telefon pintar, perakam suara dan nota lapangan bagi mendapatkan maklumat yang lengkap dan data yang mencukupi. Telefon pintar dapat digunakan untuk merakam video semasa sesi temu bual dan pemerhatian bersama informan. Selain itu, perakam suara boleh digunakan ketika sesi temu bual supaya data yang diperolehi tidak hilang. Manakala nota lapangan boleh digunakan untuk mencatat segala soalan dan maklumat yang diperolehi daripada informan yang terlibat.

3.4 Sumber Data Kajian

Sumber data yang digunakan terdiri daripada data primer dan data sekunder. Data primer adalah data yang diambil daripada informan secara langsung berdasarkan kerja lapangan seperti pemerhatian dan temu bual manakala bagi data sekunder ialah data yang diambil daripada sumber bertulis seperti perpustakaan, rujukan internet serta buku.

3.4.1 Data Primer

Sumber data primer sumber data kajian yang diperolehi melalui kaedah temu bual dan pemerhatian yang dijalankan. Menurut Merriam et al., (2009) data primer adalah data yang diambil daripada informan secara langsung berdasarkan kerja lapangan yang dijalankan. Oleh itu, data primer merupakan data yang terpenting kerana ianya data yang di dapati secara langsung.

3.4.2 Data Sekunder

Selain itu, data sekunder dijadikan sebagai rujukan pada data yang sedia ada. Data sekunder merupakan data yang telah dikumpul dan diolah daripada sumber data primer yang telah dijalankan oleh pengkaji yang lain. Antara contoh data yang boleh diperolehi dari perpustakaan, buku dan internet. Kajian melalui perpustakaan iaitu melalui buku-buku yang mempunyai maklumat berkaitan kajian ini. Selain itu, buku dan internet digunakan bagi mendapat maklumat kajian -kajian lepas serta maklumat yang berkaitan. Menurut Merriam et al., (2009) data sekunder digunakan untuk menyokong kajian atau mengesahkan kajian adat bersunat dengan data yang sedia ada.

3.5 Pensampelan Data

Kajian ini menggunakan persampelan data iaitu teknik “*Snowball Sampling* “ untuk mendapatkan semua data yang lengkap mengikut objektif yang telah ditetapkan. Antara objektif yang terdapat dalam kajian ini ialah untuk mengenal pasti aktiviti ritual, mengkaji kepentingan amalan adat bersunat dan menganalisis langkah-langkah pelestarian adat bersunat di kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang. Menurut Merriam et al. (2009), teknik bola salji merujuk kepada kaedah pengumpulan data kualitatif di mana menggunakan rujukan yang diperolehi daripada responden untuk mencari lebih ramai responden atau sumber data tambahan. Teknik bola salji juga merupakan teknik persampelan yang berterusan apabila data

susah untuk dikumpulkan. Hal ini dapat dikaitkan dengan kaedah persampelan apabila informan diminta untuk mencadangkan informan lain yang mempunyai ciri – ciri yang sesuai bagi mendapatkan maklumat dan data yang lengkap. Dalam kajian ini, teknik bola salji dapat dikaitkan dengan kaedah kajian iaitu melalui temu bual dengan informan yang berkaitan. Antara informan yang ditemu bual ialah tok batin iaitu, penghulu balai, tukang silat, tok mudim, tukang arah, tukang masak dan informan lain yang terlibat dalam adat tersebut. Informan yang terlibat akan mencadangkan informan lain yang mempunyai pengetahuan berkaitan adat bersunat sehingga mencapai ketepuan data dalam kajian. Bagi kaedah pemerhatian pula, perubahan sosial dalam adat bersunat diperhatikan berdasarkan temu bual bersama tok mudim iaitu perbandingan adat bersunat dahulu dan sekarang.

Jadual 3.1: Demografi Informan

Sumber: Kajian Lapangan

Informan	Umur	Peranan dalam adat bersunat
Informan 1	48 Tahun	Tok batin
Informan 2	44 Tahun	Orang kampung
Informan 3	57 Tahun	Orang tua lama
Informan 4	43 Tahun	Tukang masak
Informan 5	51 Tahun	Tok mudim
Informan 6	57 Tahun	Tok mudim
Informan 7	51 Tahun	Penghulu Balai
Informan 8	21 Tahun	Orang yang pernah bersunat

Jadual 3.1 menunjukkan lapan orang informan yang mempunyai peranan penting dalam upacara adat bersunat di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang. Antara informan yang terlibat ialah Tok batin, penghulu balai, dua orang tok mudim, tukang masak, orang tua lama dan orang kampung.

Informan yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada orang yang mempunyai peranan yang berkepentingan seperti tok mudim, penghulu balai, tukang masak, tok batin dan masyarakat. Semua informan yang dipilih sememangnya mempunyai peranan dan tanggungjawab semasa upacara tersebut dijalankan dan mereka juga mempunyai banyak maklumat yang diperlukan bagi kajian ini. Senarai informan mengikut jadual 3.1 berumur dalam lingkungan 21 tahun sehingga 57 tahun sahaja kerana mengikut had umur yang sesuai untuk menjawab soalan temu bual untuk semua objektif dalam kajian ini. Tambahan pula orang yang berkepentingan dalam adat bersunat terdiri daripada golongan pertengahan dan tua.


3.6 Analisis Data

Pada akhir kajian ini analisis data merupakan kaedah yang digunakan untuk memberi makna kepada data yang dikumpulkan. Analisis data merupakan proses memindahkan data kepada maklumat untuk dianalisis bagi menghasilkan kajian akhir. Kaedah analisis data ialah proses mengumpul data untuk menentukan dan membuat pilihan tentang hasil yang akan ditunjukkan bagi mencapai objektif kajian. Kaedah analisis data ini akan digunakan untuk mengolah data yang dihasilkan menggunakan analisis tematik. Selain itu, hasil dapatan ini akan ditentukan melalui kod dan tema bagi menyokong penemuan kajian ini. Oleh itu kajian ini menggunakan kaedah analisis tematik.

3.6.1 Analisis Tematik

Analisis tematik merupakan langkah yang pertama dalam pendekatan kualitatif kerana tidak terikat dengan teori tertentu dan mudah untuk menganalisis data. Menurut Braun & Clarke (2006) analisis tematik menggunakan kaedah untuk bagi mengenal pasti dan mentafsir corak iaitu tema dalam sesuatu kajian. Selain itu, analisis tematik digunakan bagi menerangkan data secara terperinci dan lebih mendalam terutama dalam kaedah kajian seperti tinjauan, pemerhatian dan temu bual. Braun & Clarke (2006) turut menyatakan proses dalam analisis tematik terdiri daripada transkripsi, pengekodan, penentuan tema, laporan, trigulasi. Terdapat beberapa proses menganalisis data mengikut analisis tematik seperti Rajah 3.1

3.6.2 Proses Dalam Analisis Tematik



Rajah 3.1 : Proses Analisis Tematik

I) Transkripsi

Jadual 3.3: Transkrip temu bual

	Transkrip Bualan
A (you)	Kom beh cerita secara ringkas pasal adat bersunat kai kampung Paya Pelong dok ?
B (IV)	Mende hak ihah sek pasal adat dok sebuah majlis keramaian hak menak meh selama 2 hari 1 malam. Majlis dok yeh jadi identiti masyarakat jah asli Jahut. Selain nit adat bersunat dok wajib bagi rakwak kakkoin sebelum umur gen bukjeng. Rakwak hak bersunat dok termasuk umur 12 hingga 13 tahun. Adat dok masih ouk diamalkan oleh jah Asli suku kaum Jahut ikut cara jah tuhak selamak lagik. Majlis dok kena ouk pengulu balai sebagai jah hak uruskan balai adat nit, tok mudim sebagai jah hak sunat rakwak, tukang gelanggang untuk jaga kawasan balai adat, tukang kerah atau arah bagi uruskan hal masa majlis nit berlangsung han tukang masak meh untuk masak sepanjang kenduri nit. Selebih eh jah kg han keluarga hak terlibat. Tanpa jah penting nit adat dok het akan jadik. Pasbak kena ouk balai adat hak dah siap untuk mulakan majlis nit. Cok bak het akan jadik meh ninmeh sedikit sebanyak ihah kom cerita.

Transkripsi merujuk kepada proses menukar data lisan seperti temu bual, perbualan, atau ucapan kepada teks bertulis (Jadual 3.3). Proses transkripsi adalah penting dalam penyelidikan kualitatif kerana ia menganalisis dan mentafsir data dengan tepat dan lebih sistematik. Rakaman video atau audio yang menggunakan telefon pintar adalah cara menyimpan data dengan selamat kerana maklumat yang disampaikan oleh informan tidak hilang sepanjang memperoleh data.

ii) Pengekodaan

Jadual 3.4: Proses pengekodan

Transkrip Bualan	
A (you)	Kom beh cerita secara ringkas pasal adat bersunat kai kampung Paya Pelong dok ?
B (IV)	Mende hak ihah sek pasal adat dok sebuah majlis keramaian hak menak meh selama 2 hari 1 malam. Majlis dok yeh jadi identiti masyarakat jah asli Jahut. Selain nit adat bersunat dok wajib bagi rakwak kakkoin sebelum umur gen bukjeng. Rakwak hak bersunat dok termasuk umur 12 hingga 13 tahun. Adat dok masih ouk diamalkan oleh jah Asli suku kaum Jahut ikut cara jah tuhak selamak lagik. Majlis dok kena ouk pengulu balai sebagai jah hak uruskan balai adat nit, tok mudim sebagai jah hak sunat rakwak, tukang gelanggang untuk jaga kawasan balai adat, tukang kerah atau arah bagi uruskan hal masa majlis nit berlangsung han tukang masak meh untuk masak sepanjang kenduri nit. Selebih eh jah kg han keluarga hak terlibat. Tanpa jah penting nit adat dok het akan jadi. Pasbak kena ouk balai adat hak dah siap untuk mulakan majlis nit. Cok bak het akan jadi meh ninmeh sedikit sebanyak ihah kom cerita.

Pengekodaan ialah proses penting dalam analisis data kualitatif di kod atau di label kepada bahagian data yang berkaitan dengan tema, konsep atau corak tertentu (Jadual 3.4). Pengekodaan penting bagi setiap bahagian dalam penulisan mengandungi maklumat yang tepat dan jelas.

iii) Tema

Jadual 3.5: Proses penentuan tema

Transkrip Bualan		Kod	Tema
A (you)	Kom beh cerita secara ringkas pasal adat bersunat kai kampung Paya Pelong dok ?		
B (IV)	Mende hak ihah sek pasal adat dok sebuah majlis keramaian hak menak meh selama 2 hari 1 malam. Majlis dok yeh jadi identiti masyarakat jah asli Jahut. Selain nit adat bersunat dok wajib bagi rakwak kakkoin sebelum umur gen bukjeng. Rakwak hak bersunat dok termasuk umur 12 hingga 13 tahun. Adat dok masih ouk diamalkan oleh jah Asli suku kaum Jahut ikut cara jah tuhak selamak lagik. Majlis dok kena ouk pengulu balai sebagai jah hak uruskan balai adat nit, tok mudim sebagai jah hak sunat rakwak, tukang gelanggang untuk jaga kawasan balai adat, tukang kerah atau arah bagi uruskan hal masa majlis nit berlangsung han tukang masak meh untuk masak sepanjang kenduri nit. Selebih eh jah kg han keluarga hak terlibat. Tanpa jah penting nit adat dok het akan jadi. Pasbak kena ouk balai adat hak dah siap untuk mulakan majlis nit. Cok bak het akan jadi meh ninmeh sedikit sebanyak ihah kom cerita.	2 hari satu malam identiti wajib sebelum capai akil baligh 12-13 lelaki mengikut orang tua dahulu Penghulu balai Tok Mudim Tukang gelanggang tukang masak Keluarga	Masa Majlis Persepsi Ciri-ciri penting dalam Adat bersunat Umur Ciri-ciri penting dalam Adat Pelestarian Orang yang terlibat dalam Adat Bersunat Peranan Orang berkepentingan

Jadual 3.5 menunjukkan penentuan tema merupakan sebuah proses untuk mengenal pasti isu-isu yang terdapat dalam kajian tersebut. Melalui penentuan tema isu yang terdapat dalam kajian dapat dikeluarkan dan menjadi dapatan utama dalam penulisan kajian.

Iv) Laporan

Laporan merupakan hasil penulisan akhir berdasarkan kutipan data dan maklumat yang telah diperolehi. Laporan disediakan mengikut tema dan isu yang telah dikumpulkan. Menurut Braun & Clarke (2012) laporan daripada kajian kualitatif berhubung dengan kesemua proses analisis yang dilakukan.

v) Trigulasi

Bagi membentuk maklumat yang tepat dan menyeluruh data seperti temu bual, soal selidik, sumber sekunder seperti buku, internet, surat khabar, artikel dan jurnal digabungkan. Proses triangulasi digabungkan dengan sumber data seperti teori dan metodologi kajian bagi membentuk penulisan yang tepat.

3.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini telah menerangkan berkaitan metodologi kajian secara terperinci serta menjadi bahagian yang terpenting dalam proses pengumpulan data. Metodologi amat penting dalam sebuah kajian untuk mendapatkan maklumat dan menghasilkan hasil kajian yang baik. Metodologi yang terdapat dalam kajian adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli ini terdiri daripada kerana pendekatan kualitatif, reka bentuk, kaedah kajian, kaedah pengumpulan iaitu data primer dan data sekunder, persampelan data dan akhirnya analisis data yang menggunakan analisis tematik dapat memberikan maklumat serta data yang tepat mengikut objektif yang telah ditetapkan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB EMPAT

ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai hasil dapatan daripada kajian mengenai adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang. Terdapat empat belas tema dari analisis tematik iaitu adat bersunat, ciri-ciri penting, bahan yang di gunakan, persiapan ahli keluarga, aktiviti ritual, peranan dan penglibatan pihak berkepentingan, orang yang terlibat, pantang larang sebelum dan selepas, kepercayaan dan semangat animisme, kepentingan adat bersunat, persepsi, cabaran untuk mengekalkan adat bersunat, perubahan yang berlaku dahulu dan sekarang dan langkah pelestarian daripada pelbagai pihak seperti masyarakat, badan kerajaan dan bukan kerajaan.

4.1 Adat Bersunat Dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli

Adat merujuk kepada hukum alam bagi setiap mahluk yang hidup di bumi ini. Menurut pandangan Edo (2014), adat menjadi pegangan manusia terutamanya bagi masyarakat Orang Asli di mana mereka masih mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap alam di sekeliling mereka. Adat bersunat atau berkhitan merupakan sebuah adat tradisi yang dijalankan bagi menandakan kaum lelaki memasuki alam dewasa atau akil baligh. Oleh itu, masyarakat Orang Asli suku kaum Jahut masih mengamalkan adat bersunat mengikut tradisi yang diturunkan oleh nenek moyang terdahulu kepada mereka. Menurut Informan 3, adat bersunat ialah:

... Adat bersunat bagi masyakat hek dok khas untuk kaum kakkoin meh hak dikatakan sebagai kewajipan. Kalau umur gen dalam 10 tahun atau 11 tahun dah kena wajib bersunat sebagai tanda bagi igen berubah dah dewasa dah tahu malu , dah ouk tanggungjawab han hormat han jah tuhak...

[Adat bersunat ni majlis bersunat khas untuk kaum lelaki. Kiranya wajib lah. Kalau umur dorang dalam 10 atau 11 tahun wajib bersunat sebagai tanda dewasa, dah ada rasa malu ada rasa tanggungjawab dan hormat kepada orang tua]. (Informan 3, Temu Bual, 25 Ogos 2024).

Informan 3 turut mengutarakan pendapat mengenai tempoh masa adat bersunat yang dijalankan oleh masyarakat Orang Asli selama dua hari satu malam. Hal ini kerana, terdapat pelbagai aktiviti ritual yang dijalankan sepanjang majlis tersebut berlangsung. Selain itu, informan juga turut berkongsi mengenai tempoh masa bagi berpantang selepas ritual bersunat yang mengambil masa selama tiga ke empat malam. Seterusnya, bagi tempoh pembinaan balai adat ianya telah mengambil masa selama dua bulan untuk disiapkan. Di samping itu, Informan 7 turut menyatakan pendapat secara ringkas mengenai adat bersunat iaitu :

... Adat bersunat dok dikenali sebagai adat bagi masyarakat jah asli Jahut selama nar harik 1 malam. Secara ringkas eh, kerjak mengejak dok apabila umur dah matang bak bersulat dok makna eh cucik darah panas, dah masuk peringkat dewasa. Dengan bersunat dok jugak supaya rakwak sek hakngai han faham pasal fasa kai nekres dok, contoh eh kan macam rakwak dah kom ubah pemikiran gen. Walaupun bersunat nget acara eh meriah sebab ouk gendang han gong lagik untuk meriahkan lagik majlis nit. Sebagai tuan rumah , pertama persiapan jah tuhak nit gen rakmuk alat - alat siek nak berek nehok bulah dalam masa dua bulan untuk buat anjung , geknuhur, bendera han balai...

[Adat bersunat ni dikenali sebagai adat bagi masyarakat Orang Asli masyarakat Jahut yang berlangsung selama 2 hari 1 malam. Tujuan adat bersunat ni untuk cuci atau buang darah panas dan tunjuk dorang tu dah masuk peringkat dewasa. Lepas tu bila bersunat ni budak – budak dah tahu malu dan dorang boleh ubah pemikiran dorang. Walaupun bersunat je tapi majlis ni meriah sebab ada gong dan gendang untuk meriahkan lagi majlis ni. Lepas tu sebagai tuan rumah persiapan pertama kena cari bahan-bahan la la nak buat balai adat yang lengkap dengan anjung, balai dan tempat masak. Semuanya amik masa dua bulan] (Informan 7, Temu Bual, 5 Oktober 2024).

Mengikut pendapat Informan 7 adat bersunat merupakan adat tradisi yang menjadi identiti masyarakat Orang Asli Jahut yang diwarisi oleh nenek moyang terdahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana adat bersunat diamalkan oleh masyarakat Orang Asli suku kaum Jahut diadakan secara besar-besaran dan meriah selama dua hari satu malam. Mengikut persepsi atau tanggapan masyarakat tersebut kanak-kanak yang mula memasuki umur 10 hingga 13 tahun dibenarkan untuk bersunat sebagai tanda

untuk melangkah ke arah lebih dewasa dan dianggap boleh berfikir secara matang sebelum membuat apa-apa keputusan. Persiapan untuk adat bersunat juga mengambil masa selama 2 bulan kerana memerlukan sebuah tempat untuk upacara tersebut dijalankan iaitu balai adat yang lengkap dengan semua bahagian seperti anjung, beranda, tempat berkumpul dan tempat untuk memasak.

4.1.1 Ciri Penting Dalam Adat Bersunat

Bagi ciri-ciri penting dalam adat bersunat Informan 1 mengutarakan pendapatnya mengenai ciri-ciri yang menjadi syarat penting bagi majlis tersebut diadakan. Antara ciri-ciri penting ialah:

...Mende hak ihah sek pasal adat dok sebuah majlis keramaian hak menak meh selama 2 hari 1 malam. Majlis dok yeh jadik identiti masyarakat jah asli Jahut. Selain nit adat bersunat dok wajib bagi rakwak kakkoin sebelum umur gen bukjeng. Rakwak hak bersunat dok termasuk umur 12 hingga 13 tahun. Adat dok masih ouk diamalkan oleh jah Asli suku kaum Jahut ikut cara jah tuhak selamak lagi...

[Apa yang saya tahu mengenai adat bersunat ni ialah ianya merupakan sebuah majlis keramaian yang diadakan secara besar-besaran dan meriah. Majlis ni juga menjadi identiti masyarakat Orang Asli Jahut. Selain tu, adat bersunat ni wajib dilakukan bagi budak lelaki atau kaum lelaki untuk menandakan mereka sudah akil baligh. Umur bagi budak bersunat ni 12 tahun hingga 13 tahun. Yang paling penting adat ni masih di amalkan oleh masyarakat Orang Asli suku kaum Jahut mengikut tradisi nenek moyang yang terdahulu lagi] (Informan 1, Temu Bual, 21 Ogos 2024).

Berdasarkan hasil temu bual bersama informan 1 beliau menyatakan ciri- ciri penting yang penting dalam adat bersunat ialah lelaki wajib bersunat untuk mereka sudah mencapai tahap dewasa. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat mempunyai tanggapan apabila seseorang lelaki sudah menjalani proses bersunat atau berkhitan fikiran dan rasa tanggungjawab dalam diri individu tersebut sudah berubah serta lebih bersedia untuk melangkah ke alam kehidupan yang lebih dewasa. Selain itu, beliau juga berpendapat bahawa ciri yang sangat penting dalam adat bersunat ini kanak-

kanak lelaki yang sudah mencecah umur 10 hingga 13 atau 10 sehingga 11 tahun dibenarkan untuk bersunat.

4.1.2 Bahan Yang Digunakan Dalam Adat Bersunat

Bahan-bahan yang digunakan dalam adat bersunat masyarakat Orang Asli merupakan bahan yang unik dan menarik. Hal ini kerana bahan tersebut mempunyai kegunaan yang tersendiri terutamanya pada ritual-ritual yang dijalankan. Oleh itu, hasil daripada temu bual bersama Informan 5, bahan-bahan yang digunakan untuk adat bersunat ialah

...bendera ouk nar lambang, kambing bertekmuk koi, kalau het kerbau newei koi nget hak gen buat sendirik. (untuk bukak gelanggang) kunyit, nyem, daun pucuk, bedak, lindak han ayom (bersunat) cincin han talik lepas (untuk rakwak pakei sepanjang majlis nit)...

[Bendera yang ada lambang kambing bertemu kepala dan haiwan seperti kerbau. Bahan- bahan kita guna untuk upacara buka gelanggang atau majlis pembuka kira macam tu lah. Kunyit hidup, pisau, daun pucuk, air renjisan, tikar, kemenyan barang ni pula kita guna untuk upacara bersunat. Lepas tu cincin dengan tali untuk budak guna sepanjang majlis tu berlangsung] (Informan 5, Temu Bual, 2 Oktober 2024).

Antara bahan -bahan yang digunakan untuk upacara adat bersunat ialah bendera yang mempunyai lambang haiwan. Bendera ini digunakan semasa majlis pembukaan yang mempunyai maksud tersendiri iaitu bagi memanggil roh- roh. Setiap bahan yang digunakan mempunyai kegunaan dan maksud yang tersendiri seperti kunyit serta kemenyan yang digunakan semasa proses bersunat. Manakala bagi cincin, tali dan benang perlu dipakai oleh individu yang bakal bersunat bagi kegunaan melindungi roh mereka dan ancaman lain sepanjang adat bersunat tersebut. Seterusnya, Informan 6 beliau turut berkongsi maklumat mengenai bahan yang diperlukan dalam upacara adat bersunat iaitu:

...Bahan untuk masuk kurung minyak bertanaq, limau , tarik lepas. Minyak dok untuk rakwak, cuma limau untuk kegunaan mudim, cincin han benang. Cincin bak untuk kekuatan roh meh kalau cok roh akan lemah. Untuk madah pinang, jerex , ran pulut, pox panggang hak dikatakan sebagai dandan. Antara

peralatan hak penting jugak gendang han gong ouk jugak sebab nak meriahkan lagik upacara dok ... “

[Bahan untuk budak- budak masuk berkurung minak yang dimasak, limau, tali lepas. Minyak ni untuk kegunaan budak cuma limau untuk tok mudim. Cincin dengan benag. Cincin ni kegunaan dia untuk kekuatan roh kalau tiada roh akan lemah. Lepas tu untuk bermadah pinang, sirih, nasi pulut, ayam panggang yang dikatakan sebagai dandan. Antara peralatan yang kena ada juga gendang dengan gong untuk meriahkan lagi adat bersunat ni] (Informan 6, Temu Bual, 3 Oktober 2024).

Bahan- bahan yang dikongsikan oleh Informan 6 adalah mengikut pengalaman beliau yang menjalankan tugas sebagai tok mudim semasa proses bersunat tersebut. Antara bahan yang utama ialah minyak yang sudah dimasak dan limau purut. Tujuan barang -barang tersebut adalah untuk digunakan semasa proses bersunat. Selain itu, cincin dan tali perlu di pakai oleh kanak-kanak tersebut yang bertujuan melindungi roh mereka daripada sebarang ancaman sepanjang majlis. Di samping itu, beliau turut berkongsi mengenai bahan yang digunakan untuk meminang tok mudim iaitu pinang, sirih, nasi pulut dan ayam panggang. Semua bahan-bahan tersebut digunakan semasa tuan rumah pergi ke tok mudim melancarkan majlis adat bersunat yang akan diadakan.

4.1.3 Persiapan Ahli Keluarga Dan Masyarakat Untuk Adat Bersunat

Ahli keluarga dan masyarakat memainkan peranan yang besar dalam persiapan adat bersunat kerana majlis tersebut memerlukan kerjasama orang ramai. Majlis ini berlangsung selama dua hari satu malam dan diadakan secara besar besaran. Ahli keluarga dan masyarakat perlulah mengambil bahagian dalam persiapan majlis tersebut agar berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan. Oleh itu, mengikut hasil temu bual bersama Informan 8 beliau menyatakan pendapat berkaitan persiapan yang perlu dilakukan oleh ahli keluarga dan masyarakat :

...Peranan ahli keluarga untuk buat persiapan han pelaksanaan dok penting meh. Merem bulan sebelum kenduri nit pakaian han barang-barang rakwak nak gunakan nit kena siap dah. Contoh macam bajuk, payung, tanjak, bekung han selempang kena siap dah tak inin jugak han payung kena siap hias dah. Dari

segi belanjak kena kumpul simpan dalam dua tigak ribuk meh. Pasbak masa hari kenduri nit kena berkumpul meh dah kai siek balai untuk buat hal sampai meh deit kenduri nit han de'ee lon kurung sekalik...

[Peranan ahli keluarga untuk buat persiapan han pelaksanaan ni penting lah. Beberapa bulan kenduri tu pakaian dan barang – barang yang budak akan guna kena siap dah. Contohnya macam baju, payung, tanjak, bekung dengan selempang kena siap dan lengkap. Dari segi modal kena sediakan dalam dua ke tiga ribu jugak. Lepas tu hari kenduri tu kena semua ahli keluarga dan masyarakat berkumpul untuk bergotong-royong dan mereang sampai lah kenduri tu habis] (Informan 2, Temu Bual, 25 Ogos 2024).

Berdasarkan pendapat yang dikongsikan oleh Informan 2 sebelum majlis adat bersunat ahli keluarga perlu bertanggungjawab sepenuhnya dalam membuat persiapan. Antara persiapan yang penting ialah barang - barang yang akan digunakan oleh kanak-kanak yang bakal bersunat. Selain itu, kos juga menjadi perkara utama kerana setiap ahli keluarga perlu menyediakan modal sebanyak tiga ribu bagi setiap seorang individu yang bakal bersunat. Jesteru itu, ianya digunakan untuk menampung kos perbelanjaan sepanjang adat tersebut. Manakala bagi masyarakat perlulah merewang atau bergotong royong untuk membuat persiapan kerana adat bersunat merupakan majlis yang besar dan memerlukan ramai kakitangan supaya majlis tersebut berjalan lancar. Seterusnya, Informan 8 juga berpendapat bahawa persiapan ahli keluarga dalam adat bersunat ialah seperti berikut

...Idek bek kena sedia peralatan rakwak entak keris, lindak, bulus, tipak, serox pinang, serox nagouk rukwok untuk rakwak, talam, bajuk, suwal, tanjak, selempang, sampin, payung han cincin perak kom nar hak per tangkal, pox nar nikur newei untuk mudim newei lagik untuk rakwak sembelih kai gelanggang. Untuk barang bersunat bak kena ouk nyem meh...

[Ahli keluarga kena sedia peralatan bersunat macam keris, tikar, tempat pinang, beras, talam, baju sepasang, tanjak, sampin, selempang, payung, cincin perak, ayam dua ekor. Untuk barang bersunat kena ada pisau. Dekat bahagian payung kena hias supaya lebih menarik. Kalau pakaian pulak kena lengkap macam sepasang baju melayu lengkap. Pakaian tu jadi simbolik kepada adat bersunat] (Informan 8, Temu Bual, 4 Oktober 2024).

Seperti yang dinyatakan oleh informan 8 persiapan yang penting merupakan barang-barang yang akan digunakan oleh kanak - kanak yang bakal bersunat seperti sepasang baju melayu lengkap dengan sampin, keris, tanjak, selempang dan payung yang dihias. Hal ini kerana barang-barang tersebut perlu digunakan sepanjang majlis berlangsung selama dua hari satu malam. Jesteru itu, ianya dianggap sebagai penyeri kepada kanak-kanak tersebut kerana mereka akan di siapkan seperti raja sehari.

4.1.4 Aktiviti Ritual Dalam Adat Bersunat

Aktiviti ritual yang terdapat dalam adat bersunat sememangnya mempunyai banyak unsur-unsur kepercayaan dan semangat animisme. Aktiviti ini juga mempunyai tujuan dan makna yang tersendiri. Menurut Informan 7 langkah pertama dalam aktiviti ritual adat bersunat ialah :

... hak pertama, dalam pukul empat kom masak pasbak pukul lima han enam bak lahing melikat well untuk de'ee balai nindek supaya jah hak dah ciok, malaikat manak jah het tandeh ninmeh toh las gek balai untuk segok sejuk selamat jaga balai, jaga dirik semuak jah hak dalam balai atau hak hadir supaya majlis nit...

[Yang pertama dalam pukul empat dah boleh masak lepas tu pukul lima sampai enam dah boleh memanggil roh untuk kenduri balai adat dimana mahluk atau roh yang kita tak nampak dengan mata kasar datang untuk lindungi keselamatan kita dan mudahkan perjalanan untuk majlis kita] (Informan 7, 5 Oktober 2024).

Menurut Informan 7 memanggil roh merupakan perkara pertama dalam ritual adat bersunat. Hal ini kerana memanggil roh mempunyai tujuan yang tersendiri iaitu untuk meminta pertolongan daripada mahluk halus atau roh -roh bagi melindungi keselamatan dan supaya majlis yang diadakan berjalan lancar. Selain daripada memanggil roh ritual ini juga bertujuan untuk mendapat keizinan daripada semua penjaga alam supaya majlis yang dijalankan mendapat keberkatan. Seterusnya bagi langkah kedua dalam aktiviti ritual adat bersunat ialah

...Hak kedua, dalam pukul tiga buka gelanggang wel bagi acara pembuka majlis. Setiap tukang silat, tukang buka gelanggang kena ouk nakdoh sebab igen jah penting. Kalau cok igen majlis dok het dapat nak buat. Rakwak -rakwak hak

akan bersunat kena cep pox untuk persembelih kai tiang hak ouk bendera. Tujuan eh untuk panggil jin tek untuk segok izin gen nan sebelum mula kejak mengejak dok. Kalau het kok kehei igen bak gen marah meh ibarat eh entak buat yeh nikjet het segok nak pakai kawasan yeh...

[Yang kedua, dalam pukul tiga buka gelanggang pula bagi acara pembuka majlis. Setiap tukang silat, tukang buka gelanggang kena ada sebab mereka orang penting. Kalau tiada mereka majlis ni tak dapat diteruskan. Dekat sini budak-budak yang bakal bersunat kena pegang ayam untuk disembelih dekat tiang bendera. Tujuan dia untuk panggil jin tanah bagi minta izin sebelum mula adat bersunat ni. Kalau tak bangunkan dia marah lah , ibaratnya kita buat dia terkejut sebab kita pakai kawasan dia tanpa izin] (Informan 7, 5 Oktober 2024).

Bagi aktiviti ritual yang kedua terdapat unsur- unsur animisme iaitu menyembelih ayam ke tanah untuk membangunkan jin tanah bagi menggunakan kawasan di sekitar balai. Hal ini dapat dikaitkan dengan kajian Ahmad Redzuwan & Abdul Ghafar (2010) iaitu masyarakat Orang Asli mempunyai nilai yang menggalakkan keharmonian antara mereka sendiri dan interaksi antara alam semula jadi. Oleh itu, hubungan antara sesama manusia dan alam sekitar telah memberi kesan yang ketara kepada cara hidup, sumber ekonomi dan pengamalan adat tradisi. Jesteru itu, tujuan bagi aktiviti ritual yang kedua ialah mengkaitkan hubungan interaksi antara masyarakat Orang Asli dan alam ghaib sangat kuat. Tambahan pula, tujuan untuk membangunkan jin tanah untuk meminta izin bagi menggunakan kawasan di balai adat. Manakala bagi ritual yang seterusnya ialah:

... Hak ketiga, lepas buka gelanggang bak belah nk teduh kena bas tok mudim wel cip gek balai adat untuk igen berkumpul kai syek balai. Separuh jah bak kom masak nindah sebab nak bagik cak igen weh taw teh ataupun bila tibak lambat bak igen kom meh cikcak. Menghidang meh nit dah cikcak ramai-ramai...

[Hak ketiga lepas buka gelanggang petang kena jemput tok mudim pergi ke balai adat untuk berkumpul. Orang lain dah bole mula masak untuk makan belah petang dan bila dah siap boleh hidang terus] (Informan 4, Temu Bual, 29 Oktober 2024)

Ritual ketiga merupakan acara yang penting kerana melibatkan orang yang mempunyai peranan yang besar iaitu tok mudim. Dalam adat bersunat masyarakat Orang Asli tok mudim merupakan salah satu orang yang dihormati kerana proses bersunat tersebut memerlukan kepakaran dan pengalaman yang dimiliki oleh mereka. Ritual ini diadakan untuk menjemput tok mudim datang ke balai adat bagi memberi keberkatan kepada kanak-kanak yang bakal bersunat. Tok mudim sangat di hormati dan di kenali sebagai orang yang mempunyai ilmu dalam bacaan mantera dan doa yang tersendiri untuk menjalankan upacara adat bersunat.

Seterusnya, Informan 6 mengutarakan pendapat berkaitan ritual yang keempat *“hak keempat bak, rakwak kena buat persiapan untuk upacara mekmerai. Rakwak kena bersiap macam tak rajak dari segi pakaian meh hak paling penting. Pasbak berkumpul kai syek balai nit sementara tungui tukang gelanggang yoi rakwak jukget. Lepas nit baruk meh kom mula upacara mekmerai nit dek”* [Yang keempat, budak-budak kena buat persiapan untuk upacara menari, dorang kena bersiap macam anak raja dari segi persiapan pakaian yang paling penting. Lepas tu boleh mula menari ikut tukang yang bawa. Tukang yang bawa tu tukang gelanggang. Lepas tu baru boleh mula upacara menari tu] (Informan 6, Temu Bual, 3 Oktober 2024).

Upacara ritual pada hari ke empat merupakan ritual yang dilakukan pada waktu malam dimana masyarakat atau orang yang hadir ke ritual ini akan menyaksikan kanak-kanak yang bakal bersunat menari mengikuti langkah tukang gelanggang atau orang yang bersilat. Upacara yang diadakan ini mengikut bilangan kanak-kanak yang bakal berkhatan sehingga habis. Ritual ini seringkali mendapat perhatian ramai terutamanya bukan sahaja daripada komuniti tersebut malah masyarakat yang lain turut datang untuk menyaksikannya. Seterusnya, ritual terakhir bagi adat bersunat ialah

...Hak kelima, harik las adat dok. Pukul enam pagi rakwak kena berendam kai dalam tekal sampei meh ouk jah bas tengah hari nit. Sambil nit jah kai syek kok meh cip bas rakwak kai taw. Dalam pukul duabelas tengah hari , jah kai siek kom meh dah mula bas rakwak. Bila rakwak dah weit gek tebing igen pun kom meh bersiap entak rajak sehari. Dah siap bak igen pun kom meh pertandu nak kaban beradik segalak eam, sepupu papat han beradik gen ninmeh. Sebelum las gek syek manak rakwak hak ouk penyakit atau berhajat nit cip kiling kubur nan.

Kiling kubur dok kena buat tigak kalik pusingan pasbak baruk meh kom youk halak gek syek well...

[Hari kelima iaitu hari terakhir adat ni berlangsung pukul 6 pagi tu budak-budak kena berendam dalam sungai sampai tengah hari. Dalam pukul 12 tengah hari orang yang dekat balai adat dah boleh bergerak pergi ambik budak-budak dekat sungai. Dah sampai budak-budak pun boleh dah bersiap macam anak raja untuk bertandu, orang yang tandu dorang tu ahli keluarga macam abang ke sepupu papat ke ataupun saudara mara. Sebelum sampai balai adat mana-mana budak yang ada penyakit atau berhajat tu kena jalankan ritual keliling kubur. Lepas dah keliling kubur barulah boleh balik ke balai adat untuk keliling rumah pula] (Informan 7, Temu Bual, 5 Oktober 2024).

Menurut Informan 7, aktiviti ritual yang terakhir akan diadakan diluar kawasan balai adat iaitu kanak-kanak yang bakal bersunat harus berendam di dalam sungai pada pukul 6 pagi sehingga 12 tengah hari. Tujuan berendam di dalam sungai adalah untuk menghapuskan semua dosa mereka sebelum melangkah ke alam dewasa. Seterusnya, ahli keluarga perlulah memainkan peranan yang penting kerana mereka perlu membuat persiapan bagi ritual keliling kubur. Ritual keliling kubur dikhaskan untuk kanak-kanak yang mempunyai penyakit yang kronik. Oleh itu, mereka mengelilingi kubur untuk meminta pertolongan daripada nenek moyang yang telah meninggal supaya sembuh daripada sebarang penyakit. Bagi ritual yang terakhir selepas pulang daripada kubur, barulah mereka akan mengelilingi balai adat sebanyak 3 kali dan kanak-kanak boleh masuk untuk berkurung bagi proses bersunat.

4.2 Penglibatan Dan Peranan Pihak Berkepentingan

Penglibatan dan peranan pihak berkepentingan dalam upacara adat bersunat sangat penting. Hal ini kerana adat bersunat merupakan majlis yang diadakan secara besar-besaran dan memerlukan peranan dari semua pihak. Semua pihak mempunyai peranan dan tugas yang berlainan. Tambahan pula, bagi menjadi orang yang berperanan penting dalam adat bersunat bukanlah sesuatu yang mudah kerana banyak cabaran yang perlu dilalui sebelum bertugas di balai adat.

4.2.1 Orang Yang Terlibat Dalam Adat Bersunat

Orang yang terlibat dalam adat bersunat merupakan orang terpenting dalam majlis adat bersunat masyarakat Orang Asli. Hal ini berdasarkan pendapat yang dinyatakan oleh Informan 1

... Majlis dok kena ouk penghulu balai sebagai jah hak uruskan balai adat nit, tok mudim sebagai jah hak sunat rakwak, tukang gelanggang untuk jaga kawasan balai adat, tukang kerah atau arah bagi uruskan hal masa majlis nit berlangsung han tukang masak meh untuk masak sepanjang kenduri nit. Selebih eh jah kg han keluarga hak terlibat. Tanpa jah penting nit adat dok het akan jadik. Pasbak kena ouk balai adat hak dah siap untuk mulakan majlis nit. Cok bak het akan jadik meh ninmeh sedikit sebanyak ihah kom cerita...

[Majlis ni kena ada penghulu balai sebagai orang yang uruskan balai adat, tok mudim sebagai orang yang sunatkan budak, tukang gelanggang untuk jaga kawasan balai adat atau bagi arahan untuk uruskan semua hal berkaitan majlis dan tukang masak untuk masak sepanjang kenduri tu. Selebihnya orang kampung dan keluarga yang terlibat. Tanpa orang yang penting majlis tu tak kan jadi. Pastu kena ada balai adat untuk buat majlis tu. Tiada tak akan jadi lah, itulah yang saya boleh cerita sedikit sebanyak yang saya tahu] (Informan 1, Temu Bual, 21 Ogos 2024).

Informan 1 berpendapat majlis adat bersunat tidak akan berlangsung tanpa orang berkepentingan seperti penghulu balai, tok mudim, tukang gelanggang, tukang arah, tukang masak, orang kampung, keluarga yang terlibat dan masyarakat. Pernyataan ini disokong oleh informan 8 “*Hak paling penting eh bak penghulu balai, tok mudim, tukang gelanggang , tukang, jurukerah , tukang masak han masyarakat hak nk hadir kai majlis dok.*” [Yang paling penting penghulu balai, tok mudim, tukang gelanggang, juruarah, tukang masak, orang kampung dan masyarakat yang hadir majlis ni]. (Informan 8, Temu Bual, 4 Oktober 2024). Informan 8 turut menyatakan pendapat yang sama berkaitan orang yang terlibat dalam adat bersunat. Setiap orang yang terlibat mempunyai peranan yang tersendiri sepanjang majlis tersebut berlangsung.

4.2.2 Peranan Orang Yang Berkepentingan

Setiap orang yang terlibat dalam adat bersunat mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri. Hal ini kerana orang yang terlibat dalam adat bersunat seperti penghulu balai, tok mudim, tukang gelanggang, tukang arah, tukang masak, orang kampung dan masyarakat mempunyai tugas tertentu sepanjang majlis adat bersunat berlangsung. Informan 3 menyatakan peranan yang dijalankan oleh penghulu balai dan tok mudim sepanjang majlis adat bersunat iaitu :

...Mende hak ihah srek pasal tujuan eh nit setiap upacara hak berlangsung nit untuk menjaga keselamatan rakwak juga. Pasbak supaya terlindung nak benda jahat, hasut dengik jah jugak. Sebab nit dapat kok leh setiap upacara nit ouk jah dung jaga eh entak pengulu balai yeh jaga seluruh kawasan balai dalam 3 harik nit. Mudim bak yeh jaga rakwak supaya rakwak nak bersunat nit het behait atau pun nyenyak...

[Apa yang saya tahu setiap upacara yang dijalankan ada tujuan dia seperti jaga keselamatan budak. Lepas tu untuk berlindung dari benda jahat, hasut dengki orang juga. Sebab tu setiap upacara ada orang yang jaga iaitu penghulu balai untuk jaga kawasan balai dalam masa 2 hari 3 malam tu. Tok mudim pula jaga budak yang akan supaya mereka tak rasa sakit atau takut. (Informan 3, Temu Bual, 25 Ogos 2024).

Seperti yang dinyatakan oleh Informan 3 penghulu balai mempunyai tugas untuk menjaga kawasan balai adat supaya tidak mempunyai masalah sepanjang majlis tersebut yang berlangsung iaitu selama dua hari satu malam. Hal ini dapat dikaitkan dengan kawasan balai adat yang perlu dijaga supaya tidak menimbulkan sebarang perkara buruk dan memberi kesan kepada majlis dan masyarakat yang hadir. Bagi tok mudim pula selain mengkhatakan individu yang bakal bersunat beliau juga berperanan untuk melindungi kanak-kanak yang bersunat tersebut. Jesteru itu, roh kanak-kanak tersebut perlulah dilindungi oleh tok mudim agar tidak diganggu oleh individu yang mempunyai niat jahat sepanjang majlis dan mantera atau tangkal yang digunakan oleh tok mudim dapat mengurangkan rasa sakit semasa proses bersunat. Bagi tugas tukang gelanggang pula Informan 5 mengatakan

...Ritual sembelih pox han pewart Bendera nit utk kehei jin tek. Sebab nin meh kai tow, gen tekei kemoit taw, kalau kai siek gen tekei kemoit cahar han penjaga

gelanggang hak tukang gelanggang pewart untuk igen jaga gelanggang nit han sebagai segok izin. Kalau het kehei igen , igen marah pasbak kom per balik gek ihek dok...

[Ritual sembelih ayam dengan naikan bendera untuk bangunkan jin tanah. Sebab tu la kalau dekat sungai dorang bangunkan jin air, kalau dekat rumah dorang bangunkan jin tanah untuk jaga kawasan gelanggang balai adat untuk minta izin sebelum mula adat bersunat. Kalau tak bangunkan jin-jin tu marah dan benda tu boleh kena dekat kita balik] (Informan 5, Temu Bual, 2 Oktober 2024).

Tukang gelanggang merupakan orang yang mempunyai peranan untuk menjaga kawasan balai pada hari pertama hingga hari terakhir majlis tersebut berlangsung. Antara tugas yang paling penting ialah aktiviti ritual menyembelih ayam pada permulaan majlis di mana mereka perlu menyembelih ayam pada tiang bendera dan seterusnya bersilat di kawasan balai adat. Pada malam ritual tersebut berlangsung mereka ditugaskan untuk bersilat dan menari untuk membawa budak yang akan bersunat sehingga hari terakhir majlis adat bersunat.

Di samping itu, informan 4 turut berkongsi pendapat mengenai peranan juru arah dan tukang masak di upacara adat bersunat iaitu

... jurukerah bak jadik tukang arah masa majlis nin meh, contoh eh yeh aturkan masa cikcak, pasal urusan rakwak nin meh. Rakwak nit bersiap atau het masa sengat memekrai han masa yok nak taw. Semua mula majlis han akhir nit semuak jah kena ikut arahan juru kerah. Tukang masak bak macam biasa meh igen kena masak tajak nak arik pertama sampai akhir majlis nit. Nakdoh meh kom tandeh tugas jah kampung igen tolong merewang entak persiapan nak masak , keit bawang, tanak ran, soit pinggan, buat taw, tolong tuhak siek meh biasa eh...

[Juruarah tugas dia jadi tukang arah masa majlis tu. Contohnya dia aturkan masa makan, semua yang berkaitan dengan budak bersunat macam malam menari dengan masa budak- budak balik dari berendam dalam sungai. Permulaan hingga akhir majlis kena ikut arah juru arah je. Tugas tukang masak pulak macam biasa dorang kena masak daripada hari pertama sampai hari akhir majlis tu. Kat sini la boleh nampak peranan orang kampung tolong merewang macam

potong bawang ke, masak nasi, cuci pinggan, buat air dan tolong dari semua benda lah] (Informan 4, Temu Bual, 29 Oktober 2024).

Melalui pendapat Informan 4, juru arah mempunyai peranan untuk mengarahkan semua atur cara daripada permulaan hingga pengakhiran majlis. Hal ini kerana juru arah memainkan peranan yang penting dalam menguruskan atur cara majlis tersebut. Contohnya, pada malam ritual menari juru arah mengarahkan semua persiapan kepada ahli keluarga kanak-kanak yang bersunat untuk menyiapkan diri bagi upacara tersebut. Jesteru itu, juru arah juga perlu memastikan ketepatan waktu bagi semua aktiviti ritual supaya majlis berjalan lancar tanpa sebarang gangguan. Bagi peranan yang dijalankan oleh tukang masak pula mereka perlu memasak untuk santapan semua yang hadir di majlis tersebut. Tambahan pula, segala bahan-bahan untuk masakan dibantu oleh orang kampung yang mempunyai peranan seperti merewang iaitu memotong bawang, memasak nasi, mencuci pinggan dan sebagainya.

4.3 Pantang Larang Dan Kepercayaan Dalam Adat Bersunat

Konsep kepercayaan adalah keyakinan atau pandangan yang di percayai oleh sesebuah masyarakat atau individu yang terkait dengan hal-hal spiritual, agama, atau kepercayaan. Sani & Edzriene (2004) menerangkan kepercayaan ialah salah satu pandangan terhadap Tuhan atau kekuatan gaib, nilai-nilai moral, prinsip-prinsip etika, serta pandangan tentang kehidupan dan kematian. Selain itu, pantang larang juga dapat mempengaruhi tindakan, sikap, dan pandangan hidup seseorang terhadap budaya yang dimiliki oleh mereka. Setiap budaya dan agama memiliki konsep kepercayaan yang berbeza-beza di mana membentuk landasan spiritual dan moral bagi para penganutnya

4.3.1 Pantang Larang Sebelum Dan Selepas Dalam Adat Bersunat

Pantang larang merupakan salah satu pernyataan untuk melarang manusia daripada melakukan sesuatu yang tidak dibenarkan. Tempoh masa untuk berpantang adalah selama 3 hingga 4 hari. Adat bersunat dalam masyarakat Orang Asli yang sarat dengan kepercayaan animisme sememangnya mempunyai pantang larang dari segi aktiviti ritual yang dijalankan oleh mereka. Pantang larang dalam adat ini dikatakan

mempunyai perbezaan dari segi semasa dan selepas majlis tersebut berlangsung. Oleh itu, Informan 2 berkongsi pendapat mengenai pantang semasa adat bersunat iaitu

...Pantang larang eh bak het kom buat bising, pasbak kai gelanggang nit het kom cikcouh , niknam. Kalau boleh kai naknin nit het kom niknam cikcouh meh senang cerita eh. Sebab eh gelanggang nit dah beh kehei dah jah eh toh jaga. Bila dah tutup pun masih dalam lak lagik nit walaupun kirak dah selesai hal nindek tetap jugak het kom niknam cikcouh sebab ninmeh bakluk jah per kai gelanggang. Masa de'e balai pincak bernihem entak pox, daging atau kak het dapat nak hidang sebab kena leklak. Masa adat nit berlangsung, lagik masa upacara bukak gelanggang mulut jah hak cip nit het kom tekukur kai jah tengah sembelih pox, het bak ihek jadik entak pox nit jugak. Syek balai nit jugak het kom bising sebenar eh nag menda hak ouk naknit gen marah...

[Pantang larang semasa adat bersunat ni tak boleh buat bising, lepas tu dekat kawasan balai adat di larang untuk kencing dengan berak sebab kawasan balai adat tu dah ada penunggu yang jaga, maksudnya jin tanah yang dibangunkan tu la. Bila kawasan balai adat tu dah ditutup pun masih dalam pantang lagi tetap juga tak boleh buat benda yang sama. Lepas tu masa hari pertama kenduri makanan yang macam ayam, daging atau ikan tak boleh hidang sebab kena pantang juga. Semasa upacara tu berlangsung mulut tak boleh menegur sembarangan lagi-lagi melibatkan ritual menyembelih ayam. Kalau kita tegur kita akan jadi ayam tu juga lagi satu sebenarnya ikut orang tua dulu-dulu kawasan balai adat tu tak boleh bising] . (Informan 3, Temu Bual, 25 Ogos 2024).

Pada hari pertama upacara tersebut makanan yang berdarah seperti daging, ayam dan ikan tidak boleh dihidangkan kerana mengikut kepercayaan majlis tersebut tidak akan berjalan dengan lancar. Bagi pantang larang di kawasan balai adat pula semasa ritual menyembelih ayam masyarakat yang hadir bagi menyaksikan upacara tersebut tidak boleh menegur sembarangan kerana dipercayai akan jatuh sakit seperti ayam tersebut. Selain itu, pantang larang di kawasan balai adat juga tidak dibenarkan membuang air besar dan kecil sembarangan kerana mengundang kemarahan terhadap jin-jin yang telah dibangunkan. Mengikut kepercayaan mereka akibat melanggar pantang mereka boleh jatuh sakit seterusnya meninggal dunia. Selain daripada semua

kepercayaan tersebut mereka juga percaya kepada kemarahan alam semesta iaitu sepanjang majlis berlangsung selama dua hari satu malam jika terdapat perubahan alam seperti ribut dan kilat ianya menandakan bahawa majlis tersebut tidak mendapat keberkatan daripada roh yang dibangunkan ataupun terdapat kesilapan sepanjang majlis diadakan.

Pantang larang selepas adat bersunat dikongsikan oleh informan 6 iaitu *“Pantang eh bey nak berjukget, bey nak aktif sangat masa dalam pantang akan lait nihem balik meh entak tumpah darah, het kom empait tek, eit pox. kalau jadik maknin cok jah dung tangkal eh”*. [Pantang lepas bersunat jangan nak buat aktiviti lasak dulu sebab takut akan keluar darah balik, kalau keluar darah tak de tok mudim yang boleh jampi untuk hentikan darah tu. Lepas tu budak yang bersunat tu tak boleh pijak tanah , tak boleh pijak tahi ayam] (Informan 6, Temu Bual, 3 Oktober 2024).

Seperti yang dinyatakan oleh Informan 6 selepas proses bersunat kanak-kanak tersebut terus berpantang selama tiga ke empat hari, antara pantang larangnya ialah tidak boleh memijak tanah dan tahi ayam. Hal ini kerana pantang larang tersebut mengikut peraturan orang tua terdahulu dan tiada sesiapa mempunyai maklumat berkaitan tujuannya. Seterusnya, mereka juga tidak boleh melakukan aktiviti lasak kerana darah yang keluar tidak boleh dihentikan. Pernyataan ini disokong oleh Informan 5

...Pantang larang kai rakwak bey nak empaik eit pox , bey nak langkah. Lagik telas bersunat bey nak cak pigok han cikcip bey nak terlalu kuat nag ouk nihem balik sebab cok jah nak tangkal. Selain nit jah bergendang lepas mudim nak siek kena makdok han terus leklak dah...

[Pantang larang dekat budak tak boleh pijak tanah dan tahi ayam lepas tu tak boleh langkah juga. Makanan pun kena pantang tak boleh makan pedas dan gerak laju-laju sebab takde sapa nak jampi. Peralatan macam gendang dan gong pun tak boleh berbunyi dah lepas adat bersunat tu habis] (Informan 5, Temu Bual, 2 Oktober 2024). Peralatan yang digunakan semasa upacara iaitu gong dan gendang turut menjadi pantang larang selepas adat bersunat kerana peralatan tersebut tidak boleh disentuh dan dimainkan.

4.3.2 Kepercayaan Dan Semangat Animisme Dalam Adat Bersunat

Masyarakat Orang Asli mempunyai pendirian yang kukuh kepada kepercayaan animisme dan adat resam yang telah diwariskan oleh generasi terdahulu kepada mereka. Hal ini menyebabkan masyarakat tersebut sukar untuk menerima sesuatu yang berbeza seperti anutan agama lain atau bertentangan dengan kepercayaan yang mereka amalkan. Menurut Mohd Zain dan Engku Alwi, (2017) masyarakat Orang Asli masih mempercayai kuasa ghaib, roh-roh dan semangat di persekitaran mereka. Oleh yang demikian, adat bersunat yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli mempunyai unsur-unsur animisme dalam setiap ritual yang dijalankan. Jesteru itu, aktiviti ritual dalam adat bersunat sarat dengan kepercayaan animisme seperti dinyatakan oleh informan 6 *“Tujuan bacaan doa untuk setiap ritual nit ouk makna hak sendiri , contoh eh doa tok mudim gek rakwak bagi lindung rakwak nit han lindung dirik sendirik darik bess han hasut dengik jah”* [Tujuan setiap bacaan doa untuk setiap ritual ada makna tersendiri. Contohnya, tujuan bacaan mantra tok mudim dekat budak yang bersunat tu untuk lindungi diri mereka sepanjang upacara tu daripada semua gangguan yang jahat dan daripada ancaman manusia] (Informan 6, Temu Bual, 3 Oktober 2024).

Berdasarkan pernyataan tersebut, kepercayaan animisme dalam adat bersunat merupakan penggunaan mantra atau doa yang diamalkan oleh tok mudim. Mantra tersebut bertujuan untuk melindungi roh kanak-kanak yang bakal bersunat dari pelbagai ancaman seperti gangguan makhluk halus dan ancaman dari manusia. Hal ini dapat dikaitkan dengan kepercayaan yang di amalkan oleh generasi terdahulu dan masih diamalkan oleh generasi terkini bagi upacara tertentu. Informan 2 turut menyokong pernyataan bahawa kepercayaan animisme yang diamalkan oleh nenek moyang terdahulu masih dipercayai dan diamalkan oleh generasi terkini. Tambahan pula, kepercayaan animisme yang ketara dalam adat bersunat ialah *“sebelum las gek syek manak rakwak hak ouk penyakit atau berhajat nit cip kiling kubur nan.”* [Sebelum balik ke balai adat mana-mana budak yang ada penyakit atau yang dah berhajat kena ikut ritual keliling kubur untuk sembuhkan penyakit yang dorang hadap] (Informan 2, Temu Bual, 22 Ogos 2024). Ritual keliling kubur merupakan kepercayaan yang terdapat dalam adat bersunat iaitu ritual tersebut khas untuk kanak-kanak yang mempunyai hajat atau penyakit kronik. Dalam kajian Ahmad et al., (2022) kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli membawa maksud sebagai keyakinan atau akuan bahawa sesuatu akan berlaku dan wujud. Oleh itu, masyarakat yang mengamalkan ritual dalam

adat tersebut percaya jika mereka mengelilingi kubur nenek moyang atau membuat hajat kanak-kanak tersebut akan sembuh dari penyakit yang mereka alami kerana permintaan mereka terhadap nenek moyang tersebut ditunaikan.

4.4 Kepentingan Dalam Adat Bersunat

Adat istiadat merupakan perkara penting bagi pengekalan sesuatu warisan yang terdiri daripada amalan, budaya, kepercayaan dan ritual yang diwarisi sejak turun temurun. Termizi (2023) menyatakan dengan adanya pengamalan adat yang dilakukan oleh sesuatu komuniti, masyarakat atau individu adat dan warisan tidak akan pupus walaupun dunia mengalami pelbagai cabaran seperti pemodenan. Hal ini dikatakan demikian kerana adat bersunat mempunyai kepentingan yang tersendiri bagi masyarakat yang mengamalkannya. Oleh itu berdasarkan hasil temu bual bersama Informan 5 “*Kepentingan untuk masyarakat jah hek dok untuk tanda igen nit dah bukjeng , dah sek dosak han benda hakngait meh kalau nak buat mende mnde. Bersunat dok juga untuk bess nihem panas*” [Kepentingan untuk masyarakat kita ni untuk tanda mereka dah remaja dah dewasa. Lepas tu dorang dah tahu dosa dan pandai buat berfikir sebelum buat apa-apa keputusan. Kepentingan bersunat juga untuk buang darah panas] (Informan 5, Temu Bual, 2 Oktober 2024).

Kepentingan dalam adat bersunat masyarakat Orang Asli seperti yang dinyatakan oleh Informan 6 ialah sebagai tanda dewasa. Apabila seseorang lelaki mencapai tahap akil baligh mereka perlu bersunat bagi kebersihan diri mereka dan mengelakkan dari penyakit yang boleh memudaratkan. Selain itu, mengikut nenek moyang terdahulu kepentingan bagi bersunat dalam masyarakat tersebut untuk mencuci darah panas. Informan 8 turut menyokong pendapat berkenaan kepentingan adat bersunat iaitu

...Kepentingan bersunat dok macam tak ihek srek untuk kebersihan meh lagi lagik jah kakkoin kan. Selain dok,kebaikan eh ihek kom kekalkan adat bersunat doh jugak supaya adat hek dapat hek jaga adat han warisan hek. Adat dok meh penting sebab yeh warisan turun temurun nak yak itak hek. Nin meh kepentingan hak ihah rasak...

[Kepentingan bersunat ni macam yang kita tahu untuk kebersihan lagi-lagi orang lelaki kan. Selain tu, kebaikan dia untuk kita kekalkan adat bersunat ni supaya kita boleh jaga dan pelihara warisan kita. Adat ni penting sebab warisan

turun-temurun dari nenek moyang kita. Tu lah kepentingan yang saya rasa] (Informan 8, Temu Bual, 4 Oktober 2024).

Bagi kepentingan adat bersunat selain daripada menandakan kedewasaan adat ini juga untuk memelihara warisan yang dituruni oleh nenek moyang terdahulu. Tambahan pula, adat bersunat ini telah menjadi identiti dan lambang sebagai masyarakat tersebut yang kaya dengan pelbagai warisan.

4.4.1 Persepsi Dalam Adat Bersunat

Apabila sesuatu adat dijalankan ianya menjadikan persepsi atau tanggapan kepada masyarakat lain berkaitan warisan dan identiti yang melambangkan sesuatu kaum tersebut. Hal ini berkaitan dengan pendapat yang diutarakan oleh informan 1 iaitu

...Majlis dok yeh jadik identiti masyarakat jah asli Jahut sebab majlis dok meriah dari segi pakaian eh, adat yeh han majlis hak ouk meh. Bakluk juga masyarakat asing entak gop beh india , cinak kadang cip leh juga. Kai naknit dapat meh hek leh igen sek pasal adat dok han igen pikir doh meh warisan hak ihek ouk tajak nak selamak ein...

[Majlis ni dia jadi sebagai identiti masyarakat orang asli kat sini sebab majlis adat bersunat yang dorang buat ni meriah dari segi pakaian, adat dan majlis dia lah. Banyak juga masyarakat lain macam Melayu, India dan Cina yang datang tengok. Bila dorang datang tu boleh lah tahu pasal adat kita dan dah tahu kalau majlis yang meriah macam ni adat bersunat yang orang asli amalkan] (Informan 1, Temu Bual, 21 Ogos).

Menurut Informan 1 persepsi oleh masyarakat lain seperti Melayu, Cina dan India terhadap adat bersunat ini melambangkan identiti masyarakat tersebut dan warisan yang mereka miliki sejak turun temurun lagi. Buktinya semasa majlis adat bersunat pelbagai ritual yang dijalankan. Contohnya, seperti acara ritual menari pada waktu malam yang diadakan secara meriah dan besar-besaran. Dalam pada itu, keunikan yang terdapat pada adat tersebut dapat ditunjukkan kepada orang ramai dan bukan sahaja daripada komuniti itu sendiri malah kepada masyarakat yang berlainan bangsa dan agama. Selain itu, informan 2 turut menyokong pendapat berkaitan persepsi adat bersunat “*.Adat bersunat dok warisan nak jah tuhak selamak ein*”. [Adat bersunat ni warisan daripada turun temurun nenek moyang terdahulu] (Informan 2, Temu Bual, 22

Ogos 2024). Apabila dikaitkan dengan adat istiadat persepi yang selalu menjadi tanggapan umum ialah warisan yang diturunkan nenek moyang terdahulu kepada generasi terkini untuk diamalkan.

4.5 Cabaran Dalam Adat Bersunat

Dalam menempuh arus kemodenan, masyarakat Orang Asli turut mengalami cabaran untuk mengekalkan adat istiadat yang dimiliki oleh mereka. Hal ini disebabkan oleh pelbagai faktor yang menyebabkan budaya dan adat mereka sedikit terhakis. Walaupun adat bersunat masih diamalkan oleh masyarakat Orang Asli suku kaum Jahut terdapat pelbagai cabaran untuk mengekalkannya. Antara yang menjadi cabaran untuk mereka ialah perubahan zaman yang semakin moden. Terdapat Informan 4 yang berkongsi pendapat mengenai cabaran tersebut iaitu

...Bakluk cabaran meh sekarang dok lagik lagik rakwak dah canggih. Zaman sekarang dok zaman makin moden berbanding zaman hakmak ein ciok nak hendset jadik ouk meh bakluk peluang nak menuntut halak gek adat resam. Kalau zaman sekarang bak payah meh kerjak main hendset nget, macam tak leka meh jah uyat nit ...”

[Banyak cabaran dia lagi-lagi zaman sekarang ni dah moden dengan canggih. Zaman dulu mana ada telefon bimbit berbanding sekarang. Dulu tak moden lagi kan nak main telefon pun tiada jadi banyak lah peluang nak belajar mengenai ilmu dalam adat bersunat ni. Kalau zaman dah moden sekarang kerja nak main telefon je jadi takde la masa nak belajar. Budak- budak zaman sekarang dah banyak leka] (Informan 4, Temu Bual, 29 Oktober 2024).

Perubahan zaman semakin moden seperti yang dinyatakan oleh Informan 4 ialah generasi terdahulu selalu mencari peluang untuk belajar bagi mengamalkan ilmu yang berkaitan dengan adat bersunat. Hal ini kerana, mereka belum lagi terdedah dengan arus kemodenan seperti yang dialami oleh generasi masa kini. Mengikut pandangan informan 4 juga generasi muda pada masa kini mempunyai sikap sambil lewa kerana hanyut dalam dunia permodenan seperti gadget iaitu telefon bimbit yang menjadi penghalang terbesar untuk mendalami ilmu berkaitan adat bersunat. Apabila mereka tidak mempunyai minat untuk meneruskan cara pengamalan adat tersebut ianya boleh

menyebabkan kepupusan bagi warisan yang dimiliki. Oleh itu, ianya telah menjadi cabaran untuk memastikan adat tersebut terus diamalkan walaupun seiring dengan pemodenan dunia.

Seterusnya, Informan 3 turut menyatakan pendapat berkaitan generasi muda yang tidak mempunyai minat untuk memelihara warisan yang dimiliki “*Bakluk cabaran eh dari segi golongan rakwak mudak hak het sukak menuntut ilmu bersunat dok, sebab eh rakwak mudak zaman sekarang het berminat sebab gen rasak benda dok ketinggalan zaman*” [Banyak cabaran dia dari segi generasi muda yang tidak minat belajar ilmu adat bersunat ni , sebab mereka tak minat ialah benda ni dianggap sebagai ketinggalan zaman] (Informan 3, Temu Bual, 25 Ogos 2024). Kebanyakan generasi muda masyarakat ini menganggap pengamalan ilmu adat bersunat ketinggalan zaman atau tidak lagi relevan untuk digunakan pada masa kini. Hal ini disebabkan oleh ada sesetengah ibu bapa yang menghantar anak-anak untuk bersunat di hospital atau klinik sahaja dan tidak mengamalkannya mengikut adat kerana faktor tertentu. Secara tidak langsung bagi generasi muda pembelajaran dalam ilmu adat bersunat tidak penting sebaliknya boleh menggunakan kaedah yang lebih moden. Bagi pendapat Informan 7 pula antara cabaran dalam adat bersunat ialah

... Cabaran eh bak bakluk mudim atau jah hak menuntut nit pindah agama dah. Bila dah pindah agama igen dah peceh dah hal menakal nit. Jadik nakdoh susah meh nak kekalkan adat bersunat sebab jah hak berilmuk bakluk berhijrah gek agama asing. Bila cok jah hak penting dalam adat dok , ihek het dapat nak kekalkan meh untuk selama eh...

[Cabaran dia banyak tok mudim yang menuntut dan ada ilmu bersunat pindah agama. Bila dah berpindah agama dorang dah banyak tinggalkan ilmu tersebut. Jadi susahlah untuk kekalkan adat ni sebab dorang dah berpindah ke agama lain. Bila dah tiada orang penting jadi susahlah untuk kita berharap adat ni terus kekal untuk masa akan datang] (Informan 7, Temu Bual, 5 Oktober 2024).

Penyebaran agama seperti Kristian dan Islam menyebabkan cabaran dalam pengekalan adat tersebut. Hal ini disebabkan oleh kemasukan agama dalam kalangan masyarakat Orang Asli menyebabkan percanggahan antara agama dengan kepercayaan yang diamalkan oleh mereka. Contohnya, tok mudim atau penghulu balai memeluk agama Islam dan Kristian perlu meninggalkan ilmu adat bersunat kerana akan dianggap

bertentangan serta syirik mengikut pegangan agama masing-masing. Kesannya, apabila terlalu ramai yang berhijrah ke agama Islam dan Kristian adat bersunat tidak boleh diamalkan kerana tiada orang yang melakukan ritual tersebut.

Seterusnya, ketiadaan pewaris bagi meneruskan pengamalan adat bersunat menjadi cabaran untuk mengekalkannya. Oleh itu, pendapat yang dikongsikan oleh informan 8 ialah *“halangan hak jadi cabaran pada masa doh kekurangan pewaris untuk teruskan adat nit. Hek leh meh nget ,adat bersunat dok perlukan jah hak penting entak tok mudim, penghulu balai, tukang gelanggang, batin, pengarah han pengiring rakwak”* [Halangan yang jadi cabaran pada masa kini ialah kekurangan pewaris untuk teruskan adat tu. Kita tengok je lah adat bersunat ni perlukan orang yang penting seperti tok mudim, penghulu balai, tukang gelanggang, tok batin, pengarah dan pengiring budak] (Informan 8, Temu Bual, 4 Oktober 2024). Pewaris yang dimaksudkan ialah individu yang boleh mewarisi pengamalan ilmu adat bersunat. Ketidadaan pewaris disebabkan oleh pelbagai faktor seperti ketidadaan generasi terdahulu yang boleh menjadi guru, generasi muda yang tidak berminat dan akibat penyebaran agama dalam kalangan masyarakat tersebut. Antara perkara yang utama ialah pewaris tersebut tergolong dalam generasi pada masa kini yang sememangnya tidak mahu mengambil tahu berkaitan adat bersunat. Kesannya, ianya menyebabkan penurunan ilmu adat bersunat dari generasi ke generasi lain tidak dapat disampaikan dengan baik.

Informan 8 juga turut mengatakan bahawa kos yang semakin meningkat menjadi salah satu cabaran bagi masyarakat tersebut

...cabaran eh nak kekalkan adat dok kos belanjak. Hal dok terjadik sebab belanja untuk newei rakwak nit mencecah dua ribuk. Jadik idek bek susah payah kumpul duit nak sunat ewak gen han belanjak harian , lagik lagik bakluk ewak koin. Sebab nin kalau hargak mahal sangat idek bek jon rakwak gen gek hospital untuk bersunat cara moden sebab kai hospital kos eh murah sikek berbanding sunat ikut adat...

[Cabaran dia nak kekalkan adat ni adalah kos belanja. Hal ni terjadi sebab belanja untuk satu kepala budak tu mencecah harga 2 ribu jadi ibu bapa susah payah nak kumpul duit bagi kos bersunat lagi-lagi yang banyak anak lelaki. Sebabnya, kalau harga mahal sangat ibu bapa akan hantar lah anak-anak tu untuk

bersunat guna cara moden dekat hospital supaya kos dia murah sikit berbanding sunat ikut cara adat] (Informan 8, Temu Bual, 4 Oktober 2024).

Seperti yang dinyatakan oleh Informan 8 kos kewangan juga menjadi salah satu cabaran dalam adat bersunat. Hal ini disebabkan oleh syarat yang ditetapkan oleh tuan rumah bagi satu kepala perlu membayar sekurang-kurangnya dua ribu kerana kos perbelanjaan pada masa kini semakin meningkat. Manakala bagi ibu bapa yang mempunyai ramai anak lelaki tidak mampu untuk menghantar anak mereka bersunat dengan cara beradat sebaliknya menghantar anak-anak untuk bersunat di hospital atau klinik kerana kos untuk membayarnya lebih murah.

Seterusnya, perasaan atau sifat dengki sesama manusia juga menjadi salah satu cabaran dalam adat bersunat ini. Informan 5 menyatakan pandangannya “*Cabaran eh salah satu jah mulong dok bakluk daripada nak bagik agan jah sebab gen leh kai jah nit ouk ley kai mulut contohnya kai tok mudim beh penghulu balai beh. Naknin meh igen jadik berdengkik, igen nk kerjak nget*” [Cabaran dia ialah ni salah satu orang yang dengki dengan masyarakat sendiri iaitu mengirim santau kepada orang yang ada ilmu macam tok mudim ke penghulu balai ke. Mereka ada sifat dengki dekat situ sebab tula ramai jugak orang yang penting dalam adat ni jatuh sakit dan meninggal] (Informan 5, Temu Bual, 2 Oktober 2024). Antara salah satu yang penyebab yang menjadikan adat bersunat banyak kehilangan orang berkepentingan seperti tok mudim atau penghulu balai ialah manusia yang mempunyai sifat dengki atau iri hati terhadap ilmu yang dimiliki. Hal ini tercetus apabila seseorang mempunyai pangkat dan ilmu yang lebih individu yang lain selalu tidak berpuas hati terhadap cara yang dilakukannya. Mereka bermain dengan unsur-unsur spiritual dan roh-roh jahat sehingga jatuh sakit dan kehilangan nyawa. Apabila peristiwa tersebut berlaku ianya menjadikan cabaran terhadap adat bersunat kerana masyarakat tersebut kehilangan orang yang boleh mengendalikan majlis atau ritual yang terdapat dalam upacara adat tersebut. Di samping itu, mereka juga tidak boleh menurunkan ilmu yang dimiliki kepada pewaris yang ada bagi meneruskan ritual-ritual atau upacara tertentu dalam adat bersunat.

4.6 Perubahan Dahulu Dan Sekarang Dalam Adat Bersunat

Perubahan merupakan proses yang terus menerus terjadi dalam setiap masyarakat. Hal ini dapat dikaitkan dengan perubahan yang berlaku dalam adat bersunat di kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh

Pahang. Perubahan yang berlaku telah menyebabkan adat dan warisan yang sedia ada sedikit terhakis. Oleh itu, terdapat informan yang menyatakan pendapat berkaitan perubahan yang berlaku di adat bersunat iaitu

Jadual 4.1: Perbezaan adat bersunat di kesan daripada penyebaran agama

	Dahulu	Sekarang
Penyebaran Agama	<i>“Zaman hakmak biasa meh masyarakat hek dok het terdedah lagi kai agama asing. Masih percayak meh kai benda-benda alam han benda het dapat hek leh”</i> [Zaman dulu biasala kita ni tak terdedah lagi dengan agama lain. Kita masih lagi percaya dengan kuasa alam dan mahluk yang kita tak nampak] (Informan 2, Temu Bual, 22 Ogos 2024)	<i>...Kemasukan agama asing meh macam agama Islam han Kristian. Manak jah hak dah ouk agama nit igen het dapat dah nak jon rakwak gen bersunat ikut adat dok. Lagipun macam agama Islam, igen bersunat ikut cara gen jugak. Agama kristian bak ihah kurang pasti meh ciknok...</i> [Kemasukan agama lain macam Islam dan Kristian. Orang yang dah ada agama tu tak dapat bersunat ikut cara kita dah. Lagipun macam agama Islam dorang bersunat guna cara dorang juga. Agama Kristian tu saya kurang pasti] (Informan 2, Temu Bual, 22 Ogos 2024).

Berdasarkan jadual 4.1, Informan 2 menyatakan pendapat berkaitan perubahan yang berlaku dalam adat bersunat di kalangan masyarakat tersebut iaitu kemasukan agama ke dalam lingkungan mereka telah menyebabkan perubahan yang ketara. Hal ini dikatakan demikian kerana individu yang telah memeluk agama Kristian dan Islam tidak boleh bersunat dengan cara beradat lagi disebabkan oleh unsur-usr ritual dan semangat animisme yang di anggap bercanggahan dengan agama masing-masing. Antara perubahannya, generasi terdahulu tidak mempunyai pendedahan berkaitan agama sehingga mereka bebas mengamalkan adat bersunat mengikut kepercayaan yang di amalkan. Manakala generasi terkini banyak terdedah dengan penyebaran agama

dalam lingkungan mereka sendiri sehingga individu yang menganut agama tidak boleh bersunat mengikut kepercayaan generasi terdahulu.

Jadual 4.2: Perbezaan upacara ritual dahulu dan sekarang dalam adat bersunat

	Dahulu	Sekarang
Upacara ritual berubah mengikut zaman	<i>...Hakmak ein ciok, kalau nk berhajat rakwak hak betul ouk penyakit, idek rakwak nit kena berhajat ewong rakwak buh tapik cep nindek ewong cip ganal serap lindak, ceong ayam, segok nan telas segok kebenaran baruk meh kiling han tarik talik lepas...</i> [Zaman dulu, kalau nak buat ritual keliling kubur budak tu betul berhajat sebab nak sembuhkan penyakit. Cara ritual tu kena betul bentang tikar, bakar ayam, minta kebenaran lepas tu baru la boleh keliling kubur] (Informan 5, Temu Bual, 2 Oktober 2024).	<i>"Zaman sekarang bak cok dah maknin main kiling nget tanpa bersegok walaupun rakwak nit het nyenyak han berhajat. Tah inin bak igen pusing ganal nget cok makna "</i> [Zaman sekarang ni main pusing je tanpa mintak kebenaran dulu walaupun budak tu takde penyakit atau berhajat. Dorang keliling kubur pun pusing macam tu je tanpa ada makna] (Informan 5, Temu Bual, 2 Oktober 2024).

Mengikut pendapat yang diutarakan oleh Informan 5 seperti dalam jadual 4.2. ritual keliling kubur mempunyai perubahan dari zaman dahulu sehingga sekarang. Hal ini dikatakan demikian kerana ritual ini hanya dilakukan oleh individu yang mempunyai penyakit kritikal bagi menyembuhkan diri. Semasa ritual ini dilakukan masyarakat dahulu mengamalkannya dengan langkah yang betul iaitu sebelum mengelilingi kubur nenek moyang mereka perlu meminta kebenaran dahulu melalui bacaan mantera oleh tukang arah dan membakar ayam untuk dipersembahkan. Selepas meminta kebenaran kanak-kanak yang mempunyai penyakit tersebut boleh mengelilingi kubur nenek moyang sebanyak tiga kali. Manakala generasi sekarang melakukan ritual tersebut dengan tidak mengikut aturan yang ditetapkan seperti tidak meminta kebenaran sebelum mengelilinginya. Mereka juga tidak mengikut syarat dari segi bacaan mantera oleh tukang arah dan ayam bagi mempersembhkannya di kubur nenek moyang. Oleh itu, ianya telah menyebabkan perubahan pada ritual ini.

Jadual 4.3: Perubahan tempat bersunat dahulu dan sekarang

	Dahulu	Sekarang
Kemudahan fasiliti yang lengkap seperti klinik dan hospital	<i>“Perubahan yeh bak hak ein zaman het moden han het maju lagik jadik kalau nak bersunat pun ikut adat cara meh. Hak ein nak cip gek klinik pun susah sebab kena nung jong. Klinik pun het bakluk ”</i> [Perubahan dia masa dulu tak moden dan tak maju lagi. Kalau nak bersunat pun kena ikut cara adat lagi. Dulu nak pergi klinik pun susah sebab kena jalan kaki, dah lah klinik pun tak banyak] (Informan 6, Temu Bual, 3 Oktober 2024).	<i>“ Sekarang dok rok berbeza nak sunat kai hospital pun kom sebab het akit bakluk masa han het payah perlon bakluk duit. Jadik jimat meh. Ninmeh hah rasak perubahan eh ”</i> [Sekarang ni berbeza sebab nak sunat dekat hospital pun boleh tak banyak sangat keluar modal dan lagi jimat masa. Tu jela saya rasa perubahan dia] (Informan 6, Temu Bual, 3 Oktober 2024).

Melalui hasil temu bual bersama Informan 3 kemudahan fasiliti yang sudah dinaik taraf seperti dalam jadual 4.3 turut menyebabkan perubahan dalam adat bersunat di kalangan masyarakat tersebut. Perubahan yang dinyatakan ialah mengikut generasi terdahulu mereka menjalankan majlis adat bersunat mengikut keadah tradisional. Hal ini merujuk gaya hidup masyarakat tersebut yang belum lagi mengalami kemajuan dari segi kenderaan dan hanya bergantung kepada hasil hutan untuk menyara hidup. Namun begitu, perubahan yang dapat dilihat pada adat bersunat sekarang ialah mereka boleh membuat pilihan untuk bersunat menggunakan kaedah tradisional atau moden. Kemudahan fasiliti yang lengkap seperti klinik dan hospital memudahkan mereka untuk bersunat dengan cara moden sahaja kerana ibu bapa dapat menjimatkan kos perbelanjaan dan tidak mengambil masa yang terlalu lama.

Berdasarkan perubahan yang berlaku dalam adat bersunat terdapat teori yang boleh dikaitkan dengan perubahan yang di alami oleh masyarakat tersebut iaitu teori yang telah diasaskan oleh Robert H Laurer di mana perubahan sosial mula berlaku

dalam kehidupan manusia. Antara ciri – ciri yang terdapat dalam perubahan sosial ialah perubahan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat merupakan satu keperluan bagi meningkatkan kualiti dan kemajuan dalam masyarakat itu sendiri. Perubahan ini juga boleh berlaku secara dirancang atau tidak dirancang. Dalam kajian Abdul Majid dan Abdul Rahim, (2009) masyarakat merupakan organisme yang hidup dan terus berkembang dari semasa ke semasa. Teori ini menegaskan bahawa sesebuah masyarakat mempunyai potensi untuk berubah dan berkembang dengan syarat selaras dengan kemajuan dunia yang maju dan fleksibel. Seterusnya, teori ini menjelaskan bagaimana sesuatu adat dan tradisi mengalami perubahan seiring dengan perkembangan pada masa kini. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat yang mengalami tranformasi dari masyarakat tradisional ke masyarakat yang lebih moden akan mengalami perubahan dalam adat dan nilai yang terdapat dalam adat tersebut.

4.7 Langkah Pelestarian Adat Bersunat

Pelestarian adat merupakan perkara langkah bagi pengekalan sesuatu warisan yang terdiri daripada amalan, budaya, kepercayaan dan ritual yang diwarisi sejak turun temurun. Termizi (2023) menyatakan dengan adanya pelestarian yang dilakukan oleh komuniti, masyarakat dan individu sesuatu adat dan warisan tidak akan pupus walaupun dunia mengalami pelbagai cabaran seperti pemodenan. Oleh itu, pelestarian adat dapat menjaga keharmonian dalam kehidupan manusia kerana adat menjadi rujukan utama bagi pengekalan kepada sesuatu budaya. Bagi masyarakat Orang Asli yang memiliki pelbagai adat dan budaya mereka juga tidak ketinggalan mengalami kehakisan adat dalam budaya yang mereka pelihara. Disebabkan itu, terdapat pihak-pihak yang berkepentingan terlibat dalam langkah pelestariannya.

4.7.1. Masyarakat

Menurut pandangan daripada Informan 2 antara pihak yang terlibat dalam pelestariannya ialah masyarakat atau komuniti itu sendiri iaitu

...ihah rasak untuk kekalkan adat dok masyarakat sendirik meh. Sebab eh nyah lagik nak teruskan kalau ewong ihek. Kalau adat dok dah het diamalkan yeh pupus meh. Kalau adat dok diteruskan, generasi pai dapat leh pasbak igen pun

ouk rasak bertanggungjawab nak teruskan adat nak kaban itak, yak han moyang...

[Saya rasa untuk kekalkan adat ni masyarakat sendiri lah. Sebabnya sapa lagi nak terus pelihara adat ni kalau bukan kita sendiri. Kalau adat ni tak diamalkan dia pupus lah dan generasi muda akan datang dapat tengok keunikan adat yang nenek, atuk dan nenek moyang wariskan] (Informan 2, Temu Bual, 22 Ogos 2024).

Sehubungan dengan itu, untuk memelihara adat istiadat yang diwariskan oleh nenek moyang terdahulu mereka perlu bekerjasama bagi memastikan adat yang unik tersebut tidak hilang walaupun mengalami arus pemodenan. Oleh itu, untuk memastikan adat ini terus dilestarikan mereka perlu memainkan peranan penting dengan cara melibatkan generasi muda. Jesteru itu, informan 3 turut menyokong kenyataan yang dilontarkan oleh informan 2

...Hak rasak ihek kena ajek meh rakwak mudak nit untuk cip jugak gek kerjak mengejak. Lagipun igen sukak han gemar nak cip gek kenduri , cuma nak menuntut bak gen aken sebab igen het gemar. Lagipun rakwak mudak sekarang cok masa sebab gen bagik alasan igen sibuk han kerjak gen dah, bakluk kerjak kai luar. Kai nakdok jah kampung kom galakkan igen , bagik semangat untuk gen pikir nak pelihara adat dok...

[Saya rasa kita kena ajak budak muda untuk pergi kenduri bersunat. Lagipun ade je dorang pergi kenduri ni cuma tak suka nak belajar cara pengamalan ilmu adat bersunat ni. Budak muda sekarang ni takde masa sebab bagi alasan sibuk dengan kerja, banyak yang kerja dekat luar kampung. Dekat sini orang kampung boleh bagi galakkan dengan bagi semangat dorang nak pelihara adat ni macam mana] (Informan 3, Temu Bual, 25 Ogos 2024).

Tujuan lain untuk menjaga adat juga agar masyarakat dapat memupuk rasa hormat terhadap warisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang (Novendri Putra et al., 2024). Kelangsungan terhadap sesuatu adat dapat memberikan banyak manfaat sama ada kepada kaum itu sendiri. Langkah pelestarian melibatkan generasi muda merupakan cara yang terbaik bagi memelihara adat resam tersebut. Hal ini disebabkan oleh generasi muda perlu belajar tentang pengamalan adat resam dan ilmu-ilmu yang diamalkan oleh orang yang berperanan penting seperti tok mudim dan penghulu balai. Generasi muda

juga merupakan pewaris yang boleh meneruskan kelangsungan warisan yang ada kerana penurunan ilmu tersebut perlu diwarisi oleh generasi ke generasi lain.

Seterusnya, Informan 4 turut menyatakan pendapat berkaitan langkah yang boleh dilakukan oleh masyarakat dengan cara

...Masyarakat nit sendiri kena pastikan adat nit terus ouk supaya het pupus. Untuk kekalkan adat dok ihek sendirik meh atau masyarakat. Contoh kalau igen nit leka ihek kom ingatkan igen bey kok lupak adat hek, kekalkan adat hek bey nak terikut kai adat luar sebab adat hek adat hek luar, luar meh...

[Masyarakat tu sendiri kena pastikan adat terus ada supaya tak pupus. Untuk kekalkan adat ni kita sendiri atau masyarakat lah. Contohnya kalau dorang leka kita boleh ingatkan jangan lupa adat kita, kena kekalkan adat sebab jangan nak terikut dengan adat luar] (Informan 4, Temu Bual, 29, Oktober 2024).

Sebagai masyarakat yang harmoni mereka perlu saling menasihati antara satu sama lain berkaitan pengalaman adat tradisi yang diamalkan sejak dahulu lagi. Langkah tersebut boleh digunakan oleh masyarakat di kampung tersebut untuk memberi peringatan kepada masyarakat yang lain supaya mereka tidak melupakan adat resam yang dimiliki. Hal ini kerana perubahan zaman yang semakin moden menjadikan sesetengah individu tidak mahu mengamalkannya kerana menganggap adat tersebut ketinggalan zaman.

4.7.2 Jabatan Kerajaan

Jabatan kerajaan merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab untuk memelihara warisan sesuatu kaum. Terdapat pertubuhan badan kerajaan yang dapat memelihara adat dan warisan masyarakat orang Asli iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Mereka perlu memainkan peranan yang penting supaya dapat melestarikan adat yang diwarisi oleh suku kaum tersebut. Oleh itu, mengikut pendapat yang diutarakan oleh Informan 7 “*Agensi entak jakoa patut akit hal berkaitan warisan hek dok dengan cara buat meh program hak bakluk untuk pelihara adat hek dok. Contoh eh hari Orang Asal beh. Perkenalkan adat hek dok kai jah luar* “. [Agensi macam jakoa tu patut ambik tahu berkaitan adat dengan warisan kita ni. Dorang mungkin boleh guna cara untuk buat program Hari orang asal ke untuk perkenalkan adat kita dekat orang luar] (Informan 7, Temu Bual, 5 Oktober 2024). Sebagai agensi yang menjaga kebajikan

dan warisan Orang Asli antara langkah yang boleh dilakukan untuk melestarikan adat bersunat ialah mengadakan program atau pameran hari Orang Asal. Program tersebut merupakan hari untuk memaparkan berkaitan adat istiadat dan warisan yang dimiliki oleh kaum tersebut. Disebabkan itu, jakoa boleh membuat pameran atau tayangan berkaitan adat bersunat supaya orang yang hadir dapat melihat keunikan dan keistimewaan semasa majlis tersebut diadakan. Pernyataan ini disokong oleh Informan 1

...Kai nakdoh ihah leh JAKOA meh hak kena main peranan hak penting sebab eh igen dok sebagai agensi hak menjaga jah asli het kisah meh dari segi mende, adat meh kebajikan beh dengan cara baklukan program berkaitan adat atau budaya beh. Selain nit mungkin jugak igen adakan kerjasama han pihak kerajaan asing untuk simpan alat-alat beh, barang, pakaian, gendang han gong. Mungkin igen kom meh simpan semuak barang hak ouk kaitan han adat bersunat...

[Dekat sini saya tengok Jakoa yang kena mainkan peranan penting kerana mereka ni agensi yang menjaga Orang Asli tak kisah lah dari segi apa, adat ke kebajikan ke dengan guna cara banyakkan program berkaitan adat atau budaya ke ha. Selain tu, mungkin dorang adakan kerjasama dengan pihak kerajaan lain yang boleh simpan semua alat-alat ke, barang, pakaian, gendang atau gong. Mungkin dorang boleh simpan lah semua benda yang berkaitan dengan adat bersunat] (Informan 1, Temu Bual, 21 Ogos 2024).

Menurut pendapat yang dikongsikan oleh Informan 1 antara langkah yang boleh dilakukan oleh Jakoa ialah bekerjasama dengan badan kerajaan yang lain untuk menyimpan semua barang yang berkaitan dengan adat bersunat. Antara contohnya pihak Jakoa boleh bekerjasama dengan muzium bagi menyimpan peralatan yang digunakan semasa adat bersunat seperti pakaian, payung, gong dan gendang serta bahan-bahan yang lain. Hasilnya, warisan tersebut dapat dijadikan pameran untuk pengunjung yang hadir dan adat tersebut dapat dipelihara walaupun mengalami kepupusan di masa akan datang.

4.7.3 Badan Bukan Kerajaan

Badan bukan kerajaan (NGO) merupakan sebuah pertubuhan yang mengadakan aktiviti atau program untuk kebaikan masyarakat tanpa mendapatkan keuntungan.

Pertubuhan ini juga banyak mengambil bahagian dalam membantu masyarakat Orang Asli malah memelihara kebajikan serta warisan mereka. Mengikut hasil temu bual bersama informan di kampung tersebut antara pandangan mereka berkaitan pelestarian adat bersunat yang perlu dilakukan Ngo ialah “

...Igen kena berperanan meh untuk pastikan adat kai kg dok terus ouk. Ouk NGO nit hak selalu cip bila kenduri sunat kai kg dok, igen bakluk nak sek pasal kenduri nit ciknok. Kadang igen buat video untuk nak tayang kai jah. Bila igen buat video nit bakluk meh jah dapat leh ciknok keunikan hak ouk kai adat hek dok. Nin jadik salah satu cara ihek kom terus pelihara adat dok...

[Dorang kena berperanan untuk pastikan adat dekat kampung ni terus ada. Ada Ngo tu yang selalu datang bila ada kenduri bersunat jadi dorang banyak tahu lah pasal majlis ni dari hari pertama sampai habis. Kadang-kadang dorang ada buat video untuk rakaman. Jadi dekat sini dorang tahu tahu pasal keunikan yang ada dalam adat bersunat ni] (Informan 3, Temu Bual, 25 Ogos 2024).

Langkah pelestarian yang boleh diadakan oleh NGO untuk melestarikan adat bersunat ini ialah mengadakan dokumentasi. Tambahan pula, mereka banyak menghadiri majlis adat bersunat untuk melihat sendiri keunikan dan kemeriahan pada acara tersebut. Dengan mengadakan dokumentasi mereka dapat merakam segala peristiwa yang ada berkaitan adat tersebut seterusnya di tayangkan kepada umum agar mereka boleh menonoton. Secara tidak langsung, adat bersunat yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli suku kaum Jahut dapat dipelihara.

Disamping itu, informan 8 turut menyatakan pendapat berkaitan langkah yang boleh dilakukan oleh NGO untuk memelihara adat bersunat *pihak* “*Ngo dok kom bekerjasama han pihak kerajaan entak Jakoa untuk melestarikan lagik adat hek dok*”. [Pihak Ngo boleh bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk melestarikan lagi adat ni] (Informan 8, 4 Oktober 2024). Kerjasama yang boleh dilakukan oleh pihak Ngo dengan pihak kerajaan ialah menyalurkan dana kewangan bagi mengadakan program untuk memelihara adat bersunat. Dengan berbuat demikian program yang dianjurkan akan berjalan dengan lancar dan memberi kesan yang positif kepada pelestarian adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

4.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini telah membincangkan berkaitan data yang telah dijalankan secara terperinci dan mendalam terhadap kajian adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang. Selain itu, kajian ini dijalankan menggunakan keadah kualitatif dimana proses temu bual yang melibatkan 8 orang informan dalam kalangan masyarakat di Kampung Paya Pelong. Soalan yang digunakan untuk menemu bual informan bertujuan untuk mencapai objektif kajian iaitu mengenal pasti aktiviti ritual, mengkaji kepentingan amalan adat bersunat dan menganalisis langkah-langkah pelestarian dalam kalangan masyarakat di Kampung Paya Pelong.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Bab ini merupakan rumusan daripada keseluruhan kajian mengenai adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang. Selain itu, bab ini turut membincangkan berkaitan bab satu, dua, tiga dan empat. Seterusnya, terdapat tiga bahagian utama yang terdiri daripada rumusan kajian, dapatan utama dan cadangan mengenai kajian ini. Bab ini juga merangkumi keseluruhan kajian.

5.1 Rumusan kajian

Dalam kajian ini bab satu merupakan pengenalan kepada masyarakat Orang Asli yang mempunyai lapan belas suku kaum di Malaysia kaya dengan pelbagai budaya, adat tradisi, kepercayaan dan warisan yang dimiliki. Bab ini juga menceritakan berkaitan adat bersunat yang diamalkan oleh mereka mengikut kepercayaan yang di miliki sejak dahulu lagi. Oleh itu, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan perubahan dan cabaran dalam adat bersunat dari semasa ke semasa turut dinyatakan. Bab ini mengandungi subtopik seperti permasalahan kajian yang mempunyai data sokongan diambil daripada beberapa artikel bagi menyokong pernyataan masalah yang berlaku pada kajian tersebut. Selain itu, terdapat persoalan kajian, objektif kajian yang terdiri daripada mengenal pasti aktiviti ritual, mengkaji kepentingan amalan adat bersunat dan menganalisis langkah-langkah pelestarian adat bersunat di kalangan masyarakat Orang Asli. Seterusnya, terdapat skop kajian dan lokasi kajian dimana penempatan Orang Asli di Temerloh, Pahang dipilih bagi menjalankan kajian ini. Bagi kepentingan kajian pula ianya penting bagi individu dan masyarakat dan pada akhir bab ini terdapat sturuktur penyelidikan iaitu ringkasan daripada kesemua bab.

Selain itu, bab dua menerangkan berkaitan kajian literatur sebagai data sokongan bagi melaksanakan kajian ini. Antara kajian literatur yang diambil ialah mengenai warisan budaya, warisan budaya tidak ketara, masyarakat Orang Asli, kepercayaan, adat istiadat dan pelestarian adat. Jesteru itu, terdapat aplikasi teori yang digunakan dalam kajian ini iaitu teori perubahan sosial. Teori ini telah diasaskan oleh Robert H Laurer untuk dijadikan rujukan utama bagi mendapatkan data bagi kajian adat bersunat. Seterusnya, teori ini dipilih kerana faktanya berkaitan perubahan dalam

sesebuah masyarakat yang menjadi satu keperluan bagi kemajuan masyarakat itu sendiri amat bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

Disamping itu, bab tiga pula membincangkan berkaitan metodologi kajian dan analisis data bagi menyelesaikan kajian ini. Bagi bahagian pendekatan kajian kaedah pendekatan kualitatif telah digunakan terutamanya untuk mencapai data bagi objektif dalam kajian adat bersunat ini. Jesteru itu, dalam pendekatan kualitatif terdapat kaedah seperti kajian kes yang merujuk kepada satu inkuiri empirikal di mana mengkaji fenomena semasa terutamanya keadaan yang sedang berlaku dalam persekitaran konteks kehidupan sebenar masyarakat tersebut. Manakala bagi kaedah kajian pula temu bual dan pemerhatian dijalankan bagi mendapatkan data yang secukupnya. Kaedah pemerhatian yang dilakukan ialah pemerhatian ikut serta iaitu memerhati kumpulan informan sepanjang aktiviti ritual yang dijalankan sepanjang adat bersunat. Bagi temu bual pula ianya bersifat temu bual secara mendalam dan bersifat semi struktur. Hasil daripada temu bual terdapat seramai lapan orang informan yang memberikan kerjasama dalam sesi soal jawab tersebut. Bagi data sekunder pula ianya digunakan bagi membuat rujukan dan data sokongan bagi kajian tersebut. Contohnya, data sekunder terdiri daripada perpustakaan, rujukan ilmiah dan internet. Seterusnya, bagi pensampelan data teknik *snowball sampling* atau bebola saji digunakan. Informan yang telah ditemu bual akan mencadangkan informan lain untuk di temu bual. Pada bahagian analisis data, kajian ini telah menggunakan analisis tematik yang terdiri daripada transkrip, pengekodan, menentukan tema, membuat laporan dan trigulasi.

Seterusnya, bagi bab empat pula mengenai dapatan kajian yang diperolehi sepanjang proses pemerhatian dan temu bual bersama informan yang terlibat. Setiap data yang diperolehi bertepatan dan menjawab semua objektif yang terdiri daripada aktiviti ritual, kepentingan amalan adat bersunat dan langkah-langkah bagi pelestarian adat bersunat. Hasil daripada sesi temu bual bersama lapan orang informan tersebut terdapat isi-isi penting yang diperolehi dan diuraikan dalam bab ini.

5.2 Dapatan Utama

Dapatan utama yang diperolehi dalam kajian ini ialah aktiviti ritual yang terdapat dalam adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli sememangnya sarat dengan kepercayaan animisme. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti ritual yang dijalankan oleh mereka pada hari pertama sehingga hari terakhir mempunyai unsur-unsur kepercayaan terhadap semangat ghaib, roh dan mahluk halus. Tambahan pula, aktiviti ritual yang dijalankan oleh mereka bertujuan untuk keselamatan dan kesejahteraan orang ramai sepanjang majlis tersebut diadakan. Hal ini membuktikan bahawa mereka dan alam semula jadi saling bergantung antara satu sama lain sehingga ianya telah memberi kesan yang ketara kepada cara hidup, sumber ekonomi dan pengamalan adat tradisi yang diturunkan oleh nenek moyang terdahulu.

Selain itu, adat bersunat tersebut mempunyai kepentingan yang tertentu terutama untuk memelihara warisan nenek moyang. Golongan seperti orang tua, masyarakat dan orang berkepentingan masih mempratikkan amalan adat bersunat dalam kalangan masyarakat di sekitar kawasan tersebut. Walaupun pelbagai cabaran yang dihadapi oleh mereka pada masa kini pelestarian adat bersunat penting bagi membentuk dan mempertahankan identiti mereka sebagai masyarakat yang mempunyai pelbagai keunikan dalam adat tradisi. Tambahan pula, kanak-kanak yang sudah bersunat ini telah menjadi persepsi kepada masyarakat bahawa mereka sudah dewasa dan bertanggungjawab dalam menguruskan kehidupan. Selain untuk memelihara warisan bersunat juga dikatakan untuk menjaga kebersihan kaum lelaki bagi mengelakkan daripada terkena sebarang penyakit.

Sepanjang kajian ini dijalankan, adat bersunat dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong mempunyai cabaran untuk dilestarikan terutamanya kepada generasi akan datang. Antara salah satu cabarannya ialah kekurangan pewaris untuk meneruskan adat bersunat. Bagi meneruskan amalan tersebut pewaris sangat diperlukan kerana penurunan ilmu perlulah dilakukan daripada orang yang berpengalaman. Tambahan pula, generasi muda kurang berminat untuk mempelajari amalan dan proses yang terdapat dalam adat bersunat. Secara keseluruhannya, adat yang mereka warisi akan hilang mengikut arus kemodenan pada masa kini jika tiada langkah pelestarian yang berkesan.

5.3 Cadangan

Pemeliharaan dan pemuliharaan sesebuah warisan memerlukan kerjasama daripada komuniti itu sendiri dengan pihak berkepentingan yang terlibat. Adat bersunat yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli di Kampung Paya Pelong, Temerloh Pahang mula mengalami ancaman dari masa ke semasa. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan ancaman terhadap budaya tersebut, antaranya penyebaran agama lain, golongan muda yang tidak berminat, masalah kewangan dan arus pembangunan yang semakin meningkat. Bagi mencegah kepupusan dalam adat bersunat, antara usaha yang boleh dilakukan ialah menerbitkan risalah atau penulisan berkaitan adat bersunat tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar universiti dan juga penulis lain adalah komuniti yang sesuai untuk menyebarkan maklumat dan pengetahuan berkaitan dengan warisan budaya tidak ketara yang terdapat dalam komuniti tersebut. Dengan adanya penyebaran melalui buku, jurnal, artikel dan surat khabar secara tidak langsung ianya dapat menarik perhatian orang awam tentang keunikan dan keistimewaan budaya yang mereka miliki. Selain itu, cadangan yang mungkin boleh dilakukan ialah menggunakan platform dalam talian seperti Facebook, Instagram dan Tiktok untuk menunjukkan perjalanan sepanjang majlis tersebut berlangsung. Mereka juga boleh menubuhkan laman web dalam talian seperti warisan dan kebudayaan Orang Asli untuk memaparkan berkaitan adat bersunat. Dengan adanya usaha tersebut mereka tidak akan mengalami ancaman terhadap warisan dan mampu memberi kesedaran kepada komuniti itu sendiri supaya sentiasa menjaga tradisi daripada nenek moyang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

- Abd Majid, M. K., & Rahim, R. A. A. (2008). Perubahan sosial dan impaknya terhadap pembentukan modal insan menurut Ibn Khaldun. *Jurnal Hadhari*, 1, 1-38. <https://scholar.google.com/citations?user=hXUp7loAAAAJ&hl=en&oi=sra>
- Abdullah Sani, N. (2021). Keunikan Majlis Berkhatan Dalam Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jahut di Pahang. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 3 (1), 156-168. https://static.s123-cdn-static-d.com/uploads/1759562/normal_6065232403612.pdf
- Abdullah Sani, N. E. (2016). Keunikan ukiran patung kayu dalam kehidupan kaum Jah Hut dalam keperluan dan kepercayaan. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/19975/>
- Adam, N. F. M., & Yusop, M. S. (2020). Sejarah, Adat dan Warisan Orang Asli Jahut di Pahang. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(1), 83-108. <https://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/5545>
- Ahmad, N., Marpuah, S., Zahari, W. A. M. W., Saparudin, I. F., Zainol, N. Z. N., Masruri, M., ... & Muhammed, N. K. W. (2022). Kepercayaan, Adat Budaya Dan Amalan Keagamaan Orang Asli Kanaq Di Kota Tinggi, Johor. *Jurnal Kemanusiaan*, 26-32. <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/415>
- Akta Warisan Kebangsaan. (2005). Kuala Lumpur, Malaysia: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia
- Baharudin, R. A., Ali, N. I. M., & Idros, A. R. (2023). Pengaruh Perubahan Iklim Terhadap Komuniti Orang Asal di Malaysia: Tinjauan Literatur. *e-BANGI*, 20(2), 266-280
- Behrendt, L. (2012). *Indigenous Australia. Australia: Wiley Publishing Australia Pty Ltd*
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. <http://dx.doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Cai, Y., Thornton, S., Ang, R., Chua, L., Page, S., & Upton, C. (2022). Peranan Pengetahuan Masyarakat Tempatan Dalam Pemuliharaan Alam Sekitar Dan Warisan.
- Cresswell, J. (2013). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches*. Los Angeles, CA: Sage
- Deraman, A. (2012). Warisan budaya dalam konteks 1Malaysia. In. *Jati diri dan patriotisme teras peradaban Malaysia*, 109-132.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kamus%20online>

- Dong, M. M., Midmore, P., & Plotnikova, M. (2022). *Understanding the experiences of Indigenous minorities through the lens of spatial justice: The case of Orang Asli in Peninsular Malaysia. Regional science policy & practice*, 14(5), 1223-1240. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1757780223001671>
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2022). *Definisi Orang Asli*. Laman Web Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli. <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/pengenalan-masyarakat-orang-asli/>
- Dong, M. M., Midmore, P., & Plotnikova, M. (2022). *Understanding the experiences of Indigenous minorities through the lens of spatial justice: The case of Orang Asli in Peninsular Malaysia. Regional science policy & practice*, 14(5), 1223-1240. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1757780223001671>
- Edo, J. (2004). *Adat dan nilai masyarakat orang Asli* (pp. 1–177).
- Eyo, L. Y., Suboh, R., & Pue, G. H. (2021). Warisan budaya tidak ketara komuniti Cina Peranakan Kelantan: Kajian kes upacara Koi Hoi di Kampung Pasir Parit. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 28–44. 10.47405/ <http://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/892>
- Gill, S. S., & Rosnon, M. R. (2018). Pembangunan kontemporari Orang Asli. https://penerbit.upm.edu.my/artikel/pembangunan_kontemporari_orang_asli-48435Khai
- Hassan, P., & Ramli, M. A. (2020). Isolasi Sosio-Budaya Masyarakat Orang Asli di Malaysia dan Kesannya Terhadap Pentafsiran Hukum Islam: The Isolation of the Socio-cultural of Indigenous Community in Malaysia and Its Effect towards the Interpretation of Islam Law. *Journal of Fatwa Management and Research*, 21(1), 1-20.
- Hayin, N. 'Asyikin M. (2018). *Pinang sebelum berkhatan*. Harian Metro. https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/11/393208/pinang-sebelum-berkhatan#google_vignette
- Hussin, F. B., Ali, J., & Noor, M. S. Z. (2014). *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS* (UUM Press). UUM Press.
- Ismail, H., & Sa'ari, C. Z. (2005). Masyarakat Orang Asli dan pembangunan insaniah. *Universiti Teknologi Malaysia*. 1(2), 67-8 <https://ir.uitm.edu.my/11529/>
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2022). *Definisi Orang Asli*. Laman Web Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli. <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/pengenalan-masyarakat-orang-asli/>
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (2022). Maksud Adat Resam. https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/senibudaya/senarai?category_id=3
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28-29.

<https://www.researchgate.net/profile/Kamarul-Azmi->

- Junaidi, A., Yew, V. W., & Lyndon, N. (2020). Pengaruh Taraf Hidup dan Penglibatan Politik Pilihan Raya dalam Membentuk Kesejahteraan Hidup Komuniti Orang Asli. *e-BANGI*, 17(6), 49-67.
- Mahali, S. N. H. (2021). Pelestarian nilai budaya beracukan kearifan tradisi. *Pengajian Liberal Dan Kelangsungannya Dalam Landskap Pendidikan Negara*, June, 199-218.
- Marzali, A. (2012). Kategori Adat Dalam Budaya Melayu Nusantara. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 23(1), 1–25. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/25676>
- Mathers, N. J., Fox, N. J., & Hunn, A. (1998). Using interviews in a research project. NHS Executive, Trent. <https://www.academia.edu/download/30253223/usinginterviews.pdf>
- Merriam, S. B., & Grenier, R. S. (Eds.). (2019). *Qualitative research in practice: Examples for discussion and analysis*. John Wiley & Sons.
- Mohd Zain, J. binti, & Engku Alwi, E. A. Z. bin. (2017). Aktiviti Dakwah Jakim Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan Dan Cabarannya. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 1(1), 45-61. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/mjis/index.php/mjis/article/view/15>
- Novendri Putra, Sri Wahyuningsih, Rizky Fatya Amanda, Juliani, J., & Yunda Hasbi Pratama. (2024). Pelestarian Pakaian Adat Melayu Riau Bagi Remaja di Provinsi Riau : Budaya Melayu Riau. *SOSMANIORA: Jurnal Ilmu Sosial Dan Humaniora*, 3(2), 194–200. <https://doi.org/10.55123/sosmaniora.v3i2.3806>
- Razali, J. R., Mohamad, J. B., Ahmad, A. N., Hasan, H., & Abidin, I. (2020). Kearifan Tempatan Che Wong. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1, 109122 <https://www.academia.edu/download/107262820/420082449.pdf>
- Saleh, N. S., Rosli, M. S., & Syamsuri, A. S. (2022). Budaya Masyarakat Bugis Dalam Aspek Perkahwinan, Komunikasi Dan Makanan Warisan. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 40(2).
- Saludin, M. R. (2015). Kepelbagaian Dan Keunikan Adat Negeri Sembilan Memperkuat Bangsa: *Diversity and Uniqueness of Negeri Sembilan Custom in Race*. <http://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/1999>
- Termizi, A. (2023). Pelestarian Warisan Kebudayaan Melayu Menyumbang Kepada Penjagaan Agama: Preservation Of Malay Cultural Heritage Contributes to The Protection of Religion. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(3), 113-128.
- Teo, K. S. (2016). Penggunaan bahasa Orang Asli Che Wong di Kuala Gandah

- (Language use of Orang Asli Che Wong in Kuala Gandah). *Geografia*, 12(11).
- Tisdell, E. J., Merriam, S. B., & Stuckey-Peyrot, H. L. (2025). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. John Wiley & Sons.
- Ugong, N. A. binti, & Bala, B. (2017). Warisan Budaya Ketara ;Peranan kampung budaya Sarawak . *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 1(1), 9–24. <https://doi.org/10.51200/jba.v1i1.1250>
- UNESCO. (1972). *Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage*. Unesco.org. <https://whc.unesco.org/en/conventioncontext/>
- Wan Mahmood, W.Deraman (1977) Adat berkhatam dan berkhatan satu kajian kes si Pasir Putih Kelantan. Final Year Project thesis, University Kebangsaan Malaysia. <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/10992>
- Wellington, J., & Szczerbinski, M. (2007). *Research methods for the social sciences*. A&C Black.
- Wook, I., Yusof, A. F. M., Mohd, K., Khan, I. N. G., Hassan, F. M., Supaat, D. I., & Yaakob, A. (2020). Tanah adat Masyarakat Orang Asli di Negeri Sembilan: kajian kes di langkap, kuala pilah, pariT gOng jelebu dan bukiT kepOng, pOrT dicksOn. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(1), 93-118.
- Yulia, Y. (2019). Model Pelestarian Ekspresi Budaya Tradisional Masyarakat Di Aceh (Indonesia) Dan Malaysia
- Yusoff, Y. M., Dollah, H., Kechot, A. S., & Din, M. A. O. (2010). Pembangunan Warisan di Malaysia: tinjauan umum tentang dasar. *Jurnal Melayu*, 5, 277-283. <https://core.ac.uk/download/pdf/11492029.pdf>
- Yusoff, Y. M., Dollah, H., & Kechot, A. S. (2011). Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu National Heritage Act, 2005: A Review. *Jurnal Melayu*, 8(0).<http://journalarticle.ukm.my/3481/1/bil%25208%2520%2520topik%25209.pdf>

MALAYSIA

KELANTAN